## LAMPIRAN I

### JENIS-JENIS PENDULU BERITA

(I) Pendulu Tradisional (5W + 1H)

(1) SINGAPURA, Ahad – Empat ... pegawai cukai custom telah menamatkan mogok mereka hari ini sementara Lembaga Talipon bersiap hendak memelihara perkhidmatan-nya lepas daripada ahli2-nya yang jadi ahli Kesatuan pekerja2-nya berhenti kerja pada tengah-malam pada hari Sabtu (8 Julai 1957)

(2) BERIBU2 rakyat Malaya telah menyesakkan padang Kuala Lumpur pagi sa-malam kerana menyaksikan Raja mereka memereksa barisan tentera. (3 September 1957)

(3) PERIKATAN UMNO-MCA-MIC akan di-daftarkan sebagai sa-buah party politik. Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman, yang telah mengemuka hal ini kelmarin, telah memberi tahu Berita Harian dalam suatu pertemuan khas. (14 Oktober 1957)

(4) MENTERI Dalam Negeri dan Keadilan, Inche Sulaiman bin Dato Abdul Rahman telah menyeru kapada orang China sa-malam supaya mereka berusaha lebeh lagi memulehkan ketenteraman di-Persekutuan dan juga membantu menamatkan dharurat. (11 November 1957)

(5) SA-ORANG telah terbunoh dan sa-orang lagi luka parah apabila Polis menyerang hendap satu kumpulan delapan orang yang di-perchayai tengah bersedia hendak menyerbu rumah sa-orang taukeh kaya di-Jalan Talalla behampiran dengan stadium mereka, Kuala Lumpur pada pukul 1.30 pagi sa-malam. (9 Disember 1957)

(6) SINGAPURA, Ahad – PEGAWAI2 Kastam pada pagi ini telah dapat memperdayakan penyeludup2 yang hendak melarikan hampir 1000 paun rokok yang belum berchukai di-Sungai Kallang. (13 Januari 1958)

(7) PENGARAH Gerakan Perang Malaya, Lient General Sir James Cassels sa-malam telah merayu kapada tiap2 orang Malayan mengadakan perchubaan akhir yang bersunggoh2 bagi menamatkan dharurat. (3 Februari 1958)

(8) PEMIMPIN2 MCA di-Perak dan Selangor kelmarin telah mengaku sokongan mereka bagi Sir Cheng Lock Tan dan telah menyelar langkahan2 yang dikatakan hendak menjatohkan-nya daripada jawatan Presiden party itu. (10 Mac 1958)

(9) SINGAPURA, Ahad. MANGSA kebakaran di-Kampong Koo kelmarin telah bertambah manakala satu lagi mayat yang hangus di-keluarkan dari runtohan2 yang maseh berasap yang 21 jam dahulu ialah sa-buah kampong yang gembira dan mewah. (7 April 1958)

(10) RAUB, Ahad. DUA belas orang termasok dua orang pegawai bangsa Eropah pada malam ini telah terperangkap 900 kaki bawah tanah dalam kemalangan lumbong emas yang dahshat sa-kali di Malaya. (12 Mei 1958)

(11) KERAJAAN Persekutuan akan meminta supaya Tentera Udara di-Raja British menyerahkan Pasokan Pembantu Udara Malaya (Malayan Auxiliary Air Force) kapada Tentera Udara di-Raja Malaya. (30 Jun 1958)

(12) KA-BAWAH Duli Yang Maha Mulia, Sultan Kedah, Sir Badlishah Ibni Al-Marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, telah mangkat di General Hospital Alor-Star sa-jurus lepas pukul 7.30 malam tadi. (14 Julai 1958)

(13) PERDANA Menteri, Tengku Abdul Rahman, telah menerangkan ranchangan-nya mengenai suatu perjanjian baharu dengan Siam atas soal sempadan sa-bagai suatu usaha hendak memperchepatkan tamat-nya Dharurat. Beliau menyatakan ini dalam satu uchapan khas-nya melalui radio sa-bagai menyambut hari ulang tahun kemerdekaan.
(1 September 1958)

(14) SINGAPURA, Ahad – Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman memberi amaran hari ini bahawa beliau akan menarek keluar wakil Persekutuan dari Majlis Keselamatan Dalam Singapura yang berkerajaan sendiri jika nasihatnya tidak diikuti. (27 Oktober 1958)

(15) KUALA LUMPUR, Ahad – Persekutuan Tanah Melayu akan mendapat pinjaman sa-banyak $100,000,000 dari negeri Brunai yang kaya dengan minyak itu hasil daripada satu permintaan yang telah di-buat oleh Perdana Menteri Persekutuan Tengku Abdul Rahman dalam masa lawatan-nya ka-sana pada bulan September (10 November 1958)

(16) KUALA LUMPUR, Ahad. SATU perbahathan dari segi undang2 telah berlaku dalam meshuarat jawatankuasa agong Persekutuan China Malaya (MCA) malam ini sa-telah di-umumkan keputusan undi atas perlembagaan-nya yang baharu
(1 Disember 1958)

(17) KUALA LUMPUR, Ahad. PERDANA Menteri Persekutuan, Tengku Abdul Rahman hari ini marah sa-kali dengan satu berita sa-buah sharikat warta Indonesia yang mengatakan bahawa ia telah menyetujui ranchangan2 untok mendirikan sa-buah "Negara Melayu Islam" yang termasok Sumatra. (12 Januari 1959)

(18) SINGAPURA, Ahad – Tiga orang tua telah mati kena pijak pagi ini manakala kira2 lebeh dari 2,000 orang merempoh masok ka-dalam Tokong Budha Singapura di-Kim Yam Road kerana hendak mendapatkan " ang pow" hadiah2 tahun baharu China.
(2 Februari 1959)

(19) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan Persekutuan di-katakan berasa bimbang kerana bilangan pegawai2 expatriate yang hendak berhenti di- bawah ranchangan Malayanisation pada tahun ini telah "melebehi angka yang biasa". (2 Mac 1959)

(20) SINGAPURA, Ahad. – Parti Tindakan Ra'ayat (PETIR) berchadang hendak mengadakan perubahan2 yang besar sa-kali dalam sistem pelajaran Singapura sa-andai-nya ia memang dalam pilehan raya bulan depan ini. (13 April 1959)

(21) PULAU PANGKOR, Ahad. Keadaan sunyi sepi di-pulau ini hari ini manakala Perdana Menteri, Dato Abdul Razak bin Hussein tiba dan merayu kapada pendudok2 supaya bertenang dan tinggal dalam aman damai, (4 Mei 1959)

(22) SINGAPURA, Ahad – Parti Tindakan Ra'ayat yang mendapat kemenangan besar dalam pilehan raya sa-malam, akan mengambil langkah pertama bagi pembentokan kerajaan-nya manakala pemimpin atau pemimpin2-nya menemui Gabnor Sir William Goode di-Rumah Kerajaan esok. (1 Jun 1959)

(23) KETUA Pergerakan Pemuda UMNO merangkap Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Inche Sardon bin Haji Jubir, hari ini mengumumkan bahawa Perikatan mempunyai satu "senjata sulit" untok menghadapi2 pemimpin2 PAS dan Parti Negara di-Pantai Timor dalam pilehan raya Parliament ini. (20 Julai 1959)

(24) KUALA LUMPUR, Ahad. PADUKA Baginda, Yang di-Pertuan Agong malam tadi telah menyatakan suka chita-nya dan kebangaan-nya terhadap kemajuan2 tanah ayer ... menchapai kemerdekaan-nya pada 31 August tahun 1957 dahulu
(31 Ogos 1959)

(25) KUALA LUMPUR, Ahad. DULI Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong pagi tadi telah di-bawa dari Fraser Hill, di-mana baginda beristirahat dan di-masokkan ka-Hospital Bungsar di-sini kerana suatu penyakit dada. (21 September 1959)

(26) KUALA LUMPUR, Ahad: PERKHIDMATAN kereta api Persekutuan telah puleh kembali hari ini sa-telah lumpoh sa-lama tiga hari akibat perselisihan antara driver2 kereta api itu dengan pehak2 yang berkuasa jabatan itu. (23 November 1959)

(27) Kuala Kangsar, Ahad. PERATORAN2 Dharurat yang baharu dan ketat telah di-umumkan di-sini hari ini. (7 Disember 1959)

(28) KUALA LUMPUR, Ahad - Lembaga Pusat Elektrik akan menaikkan bayaran bekalan elektrik di-seluroh Persekutuan. (4 Januari 1960)

(29) KUALA LUMPUR, Ahad. PENGERUSI Jawatankuasa Pusat Minggu Bahasa Kebangsaan, Tuan Syed Nasir bin Ismail, hari ini memberi tahu Berita Harian: "Berita2 yang di-terima dari segenap pelosok tanah ayer menyatakan Minggu Bahasa Kebangsaan telah mendapat sambutan yang paling meriah dari pelbagai bangsa dalam negeri ini."
(1 Februari 1960)

(30) IPOH, Ahad. PERDANA Menteri, Tengku Abdul Rahman dan Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, telah memimpin beberapa sidang rahasia UMNO dan Perikatan di-ini malam tadi untok mengambil undi sulit tentang pemilehan chalun Pemangku Menteri Besar Perak. (7 Mac 1960)

(31) KUALA LUMPUR, Ahad. BERIBU2 ra'ayat dan penduduk Persekutuan telah memenoh sesakkan jalan2 raya yang tertentu di-Kuala Lumpur untok menyaksikan untok kali yang terakhir perarakan jenazah Almarhum Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong sa-belum jenazah itu di-bawa ka- Sri Menanti. (4 April 1960)

(32) KUALA LUMPUR, Ahad. SA-ORANG kerabat raja Kedah yang sekarang mengepalai kira2 80 orang kampong yang tidak memilekki tanah untok membuka tanah di-tanah hutan simpan Kerajaan kira2 20 batu dari Ibu Kota telah mendapat amaran keras daripada Kerajaan Negeri supaya jangan meneruskan pembukaan tanah itu.
(23 Mei 1960)

(33) SINGAPURA, Ahad. DR A.A. Sandosham, bekas Pengetua Universiti Malaya bahagian Singapura hari ini mengingatkan bahaya sikap mendiamkan diri terhadap sa-buah Kerajaan yang memerlukan kechaman dan tegoran. (13 Jun 1960)

(34) KUALA LUMPUR. Ahad. KERAJAAN Persekutuan hari ini telah mengumumkan penubohan sa-buah Suruhanjaya untok mengkaji sa-mula peratoran2 tender yang sa-lama ini telah menimbulkan kechaman2 dari kalangan2 perniagaan Melayu khusus-nya.
(4 Julai 1960)

(35) KUALA LUMPUR, Ahad. DULI Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Yang di-Pertuan Agong dalam titah-nya mengishtiharkan Tammat-nya Dharurat hari ini telah menyatakan keshukuran-nya bahawa zaman 12 tahun "yang gelap gelita" yang lalu sekarang di-ganti dengan "zaman baharu, zaman bahagia yang belum pernah di-rasai oleh ra'ayat jelata beta di-masa yang lalu." (1 Ogos 1960)

(36) SINGAPURA, Ahad. PERSIDANGAN perwakilan chawangan2 yang maseh patoh kapada Jawatankuasa UMNO Negeri Singapura yang di- adakan di-Central Theatre hari ini telah meluluskan dua keputusan yang antara-nya membentok satu rombongan UMNO Negeri Singapura untok menemui Yang di-Pertuan Agong UMNO Malaya, Tengku Abdul Rahman, supaya UMNO Negeri dapat di-i'tiraf kembali oleh UMNO Malaya.
(5 September 1960)

(37) KUALA LUMPUR, Ahad. Konsep baharu Pergerakan Pemuda UMNO Malaya-dahulu "tulang belakang" perjuangan kemerdekaan-telah lahir hari ini.
(3 Oktober 1960)

(38) KANGAR, Ahad. PEMANGKU Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, hari ini telah menyeru ra'ayat yang tidak memilekki tanah di-Perlis supaya berhijrah ka-Negeri2 lain untok membuka tanah2 baharu.
(21 November 1960)

(39) KUALA LUMPUR, Ahad. KERAJAAN PERSEKUTUAN telah menguntokkan $15 juta untok membeli alat2 bagi ranchangan2 pembangunan luar bandar-nya.
(5 Disember 1960)

(40) K. TRENGGANU, Ahad. MENTERI Besar Trengganu, Inche Daud Samad telah champor tangan hari ini dalam pertikaian antara ibu2 bapa dan pehak berkuasa pelajaran tentang murid2-kebanyakan-nya Melayu yang gagal dalam pepereksaan untok masok ka-sekolah2 menengah.
(9 Januari 1961)

(41) K. TRENGGANU, Ahad. KERAJAAN PAS Trengganu yang di-pimpin oleh Menteri Besar, Inche Daud Samad mungkin akan menghadapi sa-kali lagi usul tidak perchaya- kali ini di-kemukakan oleh anggota2 nya sendiri.
(6 Februari 1961)

(42) KUALA LUMPUR, Ahad. LAPORAN Surohanjaya Dato Dr. Ismail tentang mashrakat pelajar2 Malaya di-United Kingdom dan Ireland– berjumlah kira2 3,600 orang telah di-terbitkan hari ini olehh Kerajaan Persekutuan.
(6 Mac 1961)

(43) SATU ranchangan pembangunan sa-lama empat tahun yang menelan biaya $871 juta di-tujukan untok memechahkan masa'alah penganggoran Singapura, telah di-umumkan oleh Kerajaan, hari ini.
(3 April 1961)

(44) KUALA LUMPUR, Ahad. PENYOKONG2 Perikatan di-seluroh negeri hari ini meriah sa-kali terhadap kemenangan besar mereka–114 kerusi daripada 147 kerusi yang dapat di-rebut oleh chalun2 Perikatan dalam pilehan2 raya Majlis Bandaran yang di-adakan dalam tiga buah negeri semalam.
(22 Mei 1961)

(45) K. TRENGGANU, Ahad. PEMIMPIN2 dan penyokong2 Perikatan hari ini menyambut berita kemenangan Perikatan di-dalam pilehan raya bandaran Kuala Trengganu dengan penoh gembira.
(26 Jun 1961)

(46) JESSELTON, Ahad. PEMIMPIN2 politik di-Brunai, Sarawak Sabah hari ini telah bersetuju mengadakan satu front bersama dalam menghadapi ranchangan "Malaysia Raya" Perdana Menteri Persekutuan, Tengku Abdul Rahman.
(10 Julai 1961)

(47) KUALA LUMPUR, Ahad. PARTI Rakyat Malaya dalam persidangan- nya pada hari Sabtu kelmarin telah memutuskan untok menerima Malaysia anjoran Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman pada dasar-nya.
(21 Ogos 1961)

(48) KLANG, Ahad. SABUAH bangunan Kolej Islam Malaya akan di-bena di-Petaling Jaya tahun hadapan dengan menelan belanja berjumlah $2 ½ juta.
(11 September 1961)

(49) KUALA TRENGGANU, Ahad. KERAJAAN PAS Trengganu mungkin dapat bergerak sa-mula jika benar berita2 yang mengatakan dua orang anggota Parti di dalam Majlis Undangan Negeri itu telah menyatakan kesangupan untok menyebelah kapada Kerajaan PAS.
(2 Oktober 1961)

(50) KUALA TRENGGANU, Ahad. JAWATANKUASA perhubongan Perikatan Trengganu akan bersidang di-Kemaman esok khusus untok membinchangkan soal penubohan sa-buah kerajaan baru di-negeri itu, berikutan dengan kejatohan Kerajaan PAS akhir bulan lalu.
(6 November 1961)

(51) KUALA LUMPUR, Ahad. SUATU 'convention' besar Pergerakan Pemuda UMNO Malaya akan di-adakan di-ibu kota dalam bulan March ini. (18 Disember 1961)

(52) K. Trengganu, Ahad. PERDANA Menteri, Tengku Abdul Rahman memberi amaran hari ini bahawa benchana akan berlaku kiranya gagasan Malaysia tidak di–laksana-kan sa–chepat mungkin. (19 Mac 1962)

(53) Morib, Ahad. PERDANA Menteri Tengku Abdul Rahman hari ini dengan terang2 telah menudoh Parti Komunis China, yang di-pimpin oleh Mao Tse Tung, chuba "mempengaruhi fikiran orang2 Melayu" melalui gerakan Komunis kaum tani di-Indonesia. (30 April 1962)

(54) TAIPING, Ahad. MENTERI Perdagangan dan Perusahaan, Inche Khir Johari hari ini telah memberi amaran bahawa sa–kira–nya pertikaian antara UMNO Bahagian Larut dan Matang dengan UMNO chawangan Taiping tidak di–selesaikan, maka Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaya akan mengambil aleh pertadbiran Bahagian tersebut. (7 Mei 1962)

(55) SINGAPURA, Ahad. MASHARAKAT Islam Singapura hari ini telah di- seru supaya "berjuang dan berjihad serta menyatukan tenaga dalam satu gerakan raksaksa untok menebus kelemahan dan kemundoran mereka sekarang ini." (11 Jun 1962)

(56) Sijangkang (Klang), Ahad. Inche Aziz Ishak, Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama hari ini mengumumkan bahawa beliau akan meletakkan jawatan-nya dari Kabinet kalau ia tetap juga di-pindahkan dari Kementerian-nya sekarang. (30 Julai 1962)

(57) KUALA LUMPUR, Ahad. MENTERI Pelajaran, Inche Abdul Rahman Talib hari ini telah mengumumkan langkah Kerajaan hendak memberikan "penghargaan negara" kapada penulis2 dan pengarang2 bahasa Melayu yang hasil karya-nya patut di-hargai. (6 Ogos 1962)

(58) KOTA BAHARU, Ahad. SATU lagi langkah untok mengatasi kelemahan2 UMNO Kelantan akan di–ambil pada minggu depan manakala Ketua Pemuda UMNO Dato Sardon Jubir tiba di–sini untok mengemaskan barisan pemuda–nya itu di-Kelantan. (17 September 1962)

(59) KUALA LIPIS, Ahad. LIMA orang lagi pegawai PAS di-sabuah ranting di-sini, termasok sa–orang anggota biasa, telah mengumumkan tindakan mereka menarek diri dari PAS dan masok UMNO. (15 Oktober 1962)

(60) Kuala Lumpur, Ahad. MENTERI Kewangan Tun Tan Siew Sin hari ini menyatakan bahawa tidak ada sebab dari segi ekonomi dan modal untok pekerja2 di-negeri ini umum-nya di-beri kenaikan gaji pada masa sekarang. (21 Januari 1963)

(61) KUALA LUMPUR, Ahad. PERDANA Menteri, Tengku Abdul Rahman malam ini telah menguchap shukor kerana ra'ayat negeri ini seluroh-nya menikmati keadaan aman damai dan ma'amor serta dapat pula menjalankan amal ibadat mereka dengan chukop kemudahan sama ada mereka itu miskin atau kaya. (11 Februari 1963)

(62) KUALA LUMPUR, Ahad. Sultan Brunai hari ini mengumumkan dengan resmi-nya bahawa Brunai akan masok Malaysia pada 31 August, dengan Singapura dan 3 wilayah lain di–Borneo. (25 Mac 1963)

(63) Kuala Trengganu, Ahad. KESEMUA 9 orang ahli PAS dalam Dewan Negeri Trengganu sedia meletakkan jawatan dan menyerahkan kembali mandat kapada ra'ayat kira-nya Kerajaan Perikanan Trengganu memberi jaminan untok mengadakan pilehan-raya baharu di-seluroh negeri Trengganu. (8 April 1963)

(64) KUALA LUMPUR, Ahad. PERDANA MENTERI, Tengku Abdul Rahman hari ini menyatakan bahawa Malaya tidak sekali2 berniat hendak memperjudikan nyawa pemuda2-nya, wang ringgit-nya dan masa hadapan untok menchari keuntungan dan kekuasaan. (6 Mei 1963)

(65) KUALA LUMPUR, Ahad. KABINET Kerajaan Persekutuan akan bersidang esok untok membinchangkan jawapan Kerajaan Singapura terhadap tawaran akhir Kerajaan Persekutuan mengenai perchantuman kedua2 wilayah itu. (24 Jun 1963)

(66) DUA orang lagi nelayan dari Tanjong Sepat telah di-tahan oleh sa- kumpulan lanun2 yang bersenjata pada kira2 pukol 4 suboh pagi semalam di-perayeran Selat Melaka. (1 Julai 1963)

(67) JESSELTON, Ahad. ROMBONGAN Bangsa2 Bersatu di–Sabah akan memulakan tugas-nya pagi esok sama ada pemerhati2 dari Indonesia dan Filipina tiba atau tidak. (26 Ogos 1963)

(68) KOTA BAHARU, Ahad. KERAJAAN PAS Kelantan hari ini telah mengumumkan bahawa hari kelahiran Malaysia–16 dan 17 September– tidak akan di-ishtiharkan sa-bagai hari chuti umum. (9 September 1963)

(69) KOTA BAHARU, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunun Luar Bandar, Tun Abdul Razak bin Hussein, berkata semalam bahawa Kerajaan Pusat tidak akan ragu2 lagi untok mengambil tindakan yang sa-wajar-nya terhadap ulama2 yang mengeluarkan fatwa yang salah sa–hingga memechah belahkan perpaduan orang2 Islam di-negeri ini. (7 Oktober 1963)

(70) KOTA BAHARU, Ahad. KEMENTERIAN Keselamatan Dalam Negeri telah bertindak menangkap sa-orang ulama, PAS di Kelantan yang di- katakan telah mengeluarkan fatwa "kafir mengkafir" terhadap orang2 Islam yang bersahabat dengan orang bukan Islam. (11 November 1963)

(71) TAWAU, Sabah. Ahad. SA-RAMAI empat belas orang perantau2 Indonesia yang berhijrah ka–daerah ini sekarang merupakan sa-buah bom yang mungkin meletup bila2 masa sahaja, menurut pegawai2 Kerajaan dan Keselamatan di-sini sekarang. (16 Disember 1963)

(72) JESSELTON, Ahad. PERDANA Menteri Tengku Abdul Rahman berkata hari ini bahawa keadaan di-Borneo terbit daripada konfrantasi Indonesia "amat-lah berat." (6 Januari 1964)

(73) KUALA LUMPUR, Ahad. MALAYSIA hari ini telah memberi amaran kapada Indonesia bahawa langkah2 yang perlu akan di-ambil untok menentang sa-barang langkah yang akan di-ambil oleh Indonesia membekalkan gerila2-nya di-Sabah dan Sarrawak melalui jalan2 darat, laut atau udara. (24 Februari 1964)

(74) Kuala Lumpur, Ahad. KABINET akan mengadakan satu sidang khas besok untok mengambil keputusan mengenai dua perkara yang paling penting yang sedang di–hadapi oleh negara sekarang, demikian di- nyatakan oleh Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman hari ini. (9 Mac 1964)

(75) K. LUMPUR, Ahad. TERIMA kaseh, kata Tengku Abdul Rahman hari ini dengan perasaan penoh terharu kerana kemenangan gemilang Perikatan dalam pilehan raya Parlemen dan Negeri2. (27 April 1964)

(76) KUALA LUMPUR, Ahad. KESATUAN Pekerja2 Pos yang terdiri dari 1,400 orang anggota itu akan melancharkan mogok mereka pada tengah malam 10 May. (4 Mei 1964)

(77) KUALA LUMPUR, Ahad. SEGALA halangan terhadap sidang kemunchak di-Tokyo nampak-nya telah dapat di-atasi hari ini dan jalan ka-kemunchak itu pun nampak-nya telah terbuka. (8 Jun 1964)

(78) Kuala Lumpur, Ahad. PERDANA Menteri, Tengku Abdul Rahman telah berangkat ka-luar negeri petang tadi untok mendapatkan bantuan "material dan moral" bagi Malaysia menghadapi konfrantasi Indonesia sambil memberi ingat ra'ayat supaya sentiasa waspada (6 Julai 1964)

(79) PERDANA Menteri Tengku Abdul Rahman berkata hari ini bahawa pencherobohan Indonesia tidak sedikit pun menggonchang keyakinan ra'ayat untok menchapai tujuan2 yang benar dan adil menjadikan Malaysia sa-bagai "satu sinar" yang akan memberi harapan kapada berjuta2 ra'ayat." (31 Ogos 1964)

(80) PERDANA Menteri, Tengku Abdul Rahman hari ini telah menggesa seluroh ra'ayat supaya "tabah hati" menghadapi dua puak musoh negara sekarang ini-yang pertama mahu menyerahkan negeri ini kapada Indonesia, dan yang kedua mahu menyerahkan-nya kapada China Komunis. (7 September 1964)

(81) Kuala Lumpur, Ahad. GERAKAN2 bersama Malaysia-Thai akan di-perhebat lagi untok memburu dan menghapuskan saki baki pengganas2 komunis yang maseh merayau2 di-daerah sempadan Malaya-Thailand. (5 Oktober 1964)

(82) K. TRENGGANU, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri, Tun Abdul Razak hari ini menchadangkan kapada Kerajaan negeri Trengganu supaya menchari jalan membentok kilang2 perusahaan yang sederhana besar–nya sa–bagai satu chara untok menambah pendapatan hasil negeri. (9 November 1964)

(83) PONTIAN, Ahad. PENDARATAN baharu gurila2 Indonesia di–daerah ini empat hari lepas telah tumpas sama sa-kali. (28 Disember 1964)

(84) KUANTAN, Ahad. KERAJAAN Pusat akan membentok pasokan pejuang2 sukarela yang chukup terlateh di-tiap2 kampong di–sepanjang pantai untok menghadapi pendaratan gurila2 Indonesia, selanjut-nya. (11 Januari 1965)

(85) KUALA LUMPUR, Ahad. PERENTAH berkurong akan di-kuatkuasakan sa-mula di-sepanjang2 pantai di-kawasan barat Tanah Melayu dari Negeri Sembilan membawa ka-Johor mulai esok. (1 Februari 1965)

(86) KUALA LUMPUR, Ahad. PAKATAN khianat tokoh2 PAS dan Socialis Front untok menubohkan "Kerajaan buangan" telah di-arahkan oleh Lt- General Djatikusomo, bekas Duta Besar Indonesia di-Kuala Lumpur (1 Mac 1965)

(87) KUALA LUMPUR, Ahad. TUJOH orang lagi penyusup Indonesia telah dapat di-bunoh oleh Pasokan Keselamatan Malaysia dalam satu serangan hendap di-daerah Kota Tinggi malam tadi. (5 April 1965)

(88) Kuching, Ahad. KESUNYIAN sempadan pagi ini telah dipechahkan oleh tembakan meshengan apabila pasokan keselamatan bertembong sa-mula dengan askar2 Indonesia yang sedang mengundorkan diri berikutan dengan satu pertemporan di-Balairingan di-Bahagian Pertama se-malam (24 Mei 1965)

(89) KUALA LUMPUR, Ahad. SATU ranchangan lengkap untok menolong pekebun2 kechil Melayu dan bumiputera telah di-majukan kapada kumpulan kerja Kongres Ekonomi Bumiputera yang bersidang hari ini. (7 Jun 1965)

(90) KUALA LUMPUR, Ahad. MENTERI Kewangan, Tuan Tan Siew Sin menyatakan hari ini bahawa Kerajaan Pusat telah mengemukakan satu formula kapada Kerajaan Singapura mengenai pembahagian hasil2 Kerajaan Persekutuan yang di-pungut di-Singapura. (19 Julai 1965)

(91) Kuala Lumpur, Ahad. KERAJAAN Pusat besok akan di-desak supaya mengadakan hubongan diplomatik sa-luas2-nya dengan negara2 lain tanpa memperhitungkan latar belakang ideologi negara2 tersebut. (9 Ogos 1965)

(92) Jesselton, Ahad. KUNJONGAN Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak sa-lama lima hari ka-Sabah nampak–nya ia-lah sa-bagai suatu perchubaan yang bersunggoh2 oleh Kerajaan Pusat hendak mengelakkan perpechahan besar dalam parti Perikatan. (6 September 1965)

(93) KUCHING, Ahad. PASOKAN keselamatan telah membunoh tiga orang lagi askar Indonesia dan menchederakan sa-kurang2-nya dua orang lagi dalam dua pertemporan di-daerah Bangkit, Bahagian Ketiga Sarawak. (18 Oktober 1965)

(94) KUALA LUMPUR, Ahad. SERI Paduka Yang di-Pertuan Agong malam ini telah menyatakan keyakinan penoh bahawa semangat perpaduan akan terus menerus hidup di-jiwa sa-tiap warga negara Malaysia yang chintakan tanah ayer-nya. (8 November 1965)

(95) KOTA BAHARU, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Negara Tun Abdul Razak bin Hussein hari ini telah memberi jaminan kapada Kerajaan Kelantan bahawa Kerajaan Pusat akan memberi segala bantuan yang di-perlukan untok menolong ra'ayat dalam masa banjir sekarang dan sa-lepas-nya kelak. (6 Disember 1965)

(96) KUALA LUMPUR, Ahad. PERDANA Menteri Tengku Abdul Rahman memberitahu wartawan2 bahawa Indonesia telah membuat risek2 untok berbaik2 sa–mula dengan Malaysia. (10 Januari 1966)

(97) KUCHING, Ahad. POLIS "Field Force" telah merampas senapang2 dan peluru2 musoh dan menangkap 13 orang China Sarawak termasok beberapa orang yang telah mendapat latehan pengganas di-Kalimantan Indonesia. (28 Februari 1966)

(98) K. Lumpur. Ahad. SERI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Keempat, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin akan di-tabalkan di-dalam suatu istiadat kebesaran pertabalan raja2 Melayu di-zaman silam di-sini esok (Hari Ithnin). (11 April 1966)

(99) K. Lumpur, Ahad. PEMANGKU PM, Tun Abdul Razak hari ini menegaskan lagi bahawa Malaysia sedia bekerjasama dengan Indonesia dalam segala lapangan sa–telah hubongan baik antara kedua buah negeri puleh sa–perti sediakala. (9 Mei 1966)

(100) K. LUMPUR, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak, hari ini mengalu2kan risek persahabatan dari Pakistan. (13 Jun 1966)

(101) KUALA LUMPUR, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri Tun Abdul Razak hari ini menerangkan bahawa Kerajaan tidak mempunyai tongkat hikmah untok melakukan sa-suatu dalam masa yang singkat. (11 Julai 1966)

(102) KUANTAN, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri Tun Abdul Razak berkata di-sini hari ini jalan–nya telah terbuka untok mengesahkan persetujuan Bangkok bagi mengakhiri dengan resmi–nya konfrantasi antara Indonesia dan Malaysia. (8 Ogos 1966)

(103) K. LUMPUR, Ahad. SIDANG Parlemen Malaysia esok di-jangka hangat sa-kali membahath-kan chadangan2 untok meminda perlembagaan Sarawak yang akan memberi kuasa kapada Gabenor memanggil sidang Majlis Negeri dan memechat Ketua Menteri. (19 September 1966)

(104) PULAU PINANG. Ahad. SA–BANYAK kira2 1,000 buah sampan dari kampong2 nelayan di-sepanjang pantai barat laut Malaya berjaya memechahkan sekatan laut polis untok melancharkan tunjok perasaan anti-pukat tunda, di-tepi laut dekat Weld Quay, hari ini. (24 Oktober 1966)

(105) KUALA LUMPUR, Ahad. SEMUA hubongan pos dan talikom dengan Indonesia yang telah terhenti sejak konfrantasi akan puleh seluroh-nya mulai hari Thalatha ini. (19 Disember 1966)

(106) K. T'GGANU, Ahad. Banyak negara telah menyuarakan simpati terhadap Malaysia dan telah menghulorkan bantuan wang dan matabenda dalam masa Malaysia menghadapi malapetaka banjir sekarang. (16 Januari 1967)

(107) TANAH RATA, Ahad. TENGKU Abdul Rahman akan mengambil chuti sa-lama enam bulan–kali pertama chuti panjang bagi-nya semenjak 13 tahun. (27 Februari 1967)

(108) PULAU PINANG, Ahad. PERDANA Menteri, Tengku Abdul Rahman, tiba di-sini hari ini lalu menyatakan gembira-nya kerana hampir2 tidak ada tentangan terhadap undang2 bahasa kebangsaan di kalangan orang2 Melayu dan UMNO. (6 Mac 1967)

(109) KUALA LUMPUR, Ahad. MCA hari ini menggesa Kerajaan supaya mengadakan sidang semua negara pengeluar getah bagi mengemukakan langkah2 yang se-imbang untok menetap dan memajukan perolehan ekspot-nya. (8 Mei 1967)

(110) KUALA LUMPUR, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri, Tun Abdul Razak hari ini menyeru ra'ayat Malaysia supaya mengamalkan sifat2 muhibbah, tabah, jujur dan tumpuan chinta kapada negeri ini. (24 Julai 1967)

(111) TIMBALAN Perdana Menteri, Tun Abdul Razak hari ini telah berkempen di-tengah2 kubu PAS dalam kawasan pilehanraya kechil Pasir Mas Ulu, lalu membongkar satu "rahsia angkut" yang kata-nya, akan menolong menjatohkan Kerajaan PAS Kelantan. (14 Ogos 1967)

(112) JOHOR BAHARU, Ahad. BERATUS2 orang dari Singapura pagi ini tidak di-benarkan masok ka-Malaysia Barat bila mereka tiba di–tempat pemereksaan imigresen Malaysia di-sini tanpa Paspot Terbatas atau Sijil Pengenalan. (11 September 1967)

(113) KUALA LUMPUR, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri Tun Abdul Razak, mengumumkan hari ini, Kongres Ekonomi Bumiputera yang kedua akan di-adakan tahun depan. (16 Oktober 1967)

(114) KUALA LUMPUR, Ahad. MULAI hari ini wang lama jatoh kira2 15 sen tiap2 sa-ringgit berikutan dengan harga paun sterling di-turunkan. (20 November 1967)

(115) KUALA LUMPUR, Ahad. PERDANA Menteri, Tengku Abdul Rahman telah mengingatkan ra'ayat negeri ini supaya berwaspada dan berazam menghancorkan anasir2 di–negeri ini yang menjadi "boneka kuasa asing". (25 Disember 1967)

(116) KUALA LUMPUR: Ahad. MALAYSIA telah menghubongi Singapura, Australia, New Zealand dan Britain sa-chara rasmi meminta di-adakan satu sidang lima negara mengenai soal perjanjian pertahanan. (22 Januari 1968)

(117) K. LUMPUR, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, berkata hari ini bahawa salah faham kechil dengan Singapura sejak republik itu berpisah dari Malaysia bulan Ogos 1965 telah selesai dan sekarang kedua belah pehak ingin bekerjasama. (11 Mac 1968)

(118) KUALA LUMPUR, Ahad. KABINET akan mengkaji samula chadangan mengadakan Rang Undang2 yang memberi kuasa kapada Kerajaan mengeluarkan pas2 kerja kapada warganegara2 Singapura yang hendak bekerja di-Malaysia. (1 April 1968)

(119) TIMBALAN Perdana Menteri, Tun Abdul Razak pulang hari ini dengan sa-buah kapalterbang Russia sa-telah berjaya dalam tugas–nya untok mengeratkan hubongan serta meyakinkan pemimpin2 negara2 Eropah terhadap Malaysia. (27 Mei 1968)

(120) K. LUMPUR, Ahad. PERSIDANGAN mengenai pertahanan dan keselamatan di-kawasan ini akan bermula di-Bilek Perjanjian Wisma Putra, Kementerian Luar Negeri di-sini esok. (10 Jun 1968)

(121) KUALA LUMPUR, Ahad. KERAJAAN mungkin bertindak menempat-kan samula kira2 2,000 orang pendudok di-sepanjang sempadan Malaysia -Thailand saperti keadaan di-masa dharurat dulu. (1 Julai 1968)

(122) BANTING, Selangor, Ahad. PASOKAN2 keselamatan Malaysia dan Thai telah menawan sa–buah khemah pengganas2 komunis di-kawasan Betong, Thailand petang semalam. (19 Ogos 1968)

(123) KUALA LUMPUR, Ahad. KONGRES Ekonomi Bumiputra Kedua yang berakhir esok di-jangka akan menerima antara lain ketiga2 usul yang di- kemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dalam amanat-nya di-pembukaan kongres itu semalam. (9 September 1968)

(124) PULAU PINANG, Ahad. KERAJAAN akan membelanjakan sa-banyak $124.5 juta dalam masa lima tahun akan datang untok membena pelabohan2 besar di-Malaysia, demikian di-umumkan oleh Menteri Pengangkutan, Tan Sri Sardon, hari ini. (28 Oktober 1968)

(125) KUALA LUMPUR, Ahad. MENTERI Kewangan, Tun Tan Siew Sin malam ini mendedahkan ranchangan anasir2 Komunis untok menimbulkan huru hara apabila wang lama Malaya tidak laku lagi dan tidak sah mulai 16 Januari lalu. (27 Januari 1969)

(126) KUALA LUMPUR, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri, Tun Abdul Razak malam tadi menyatakan peri mustahak-nya bagi Australia dan New Zealand menganggap diri mereka lebeh rapat lagi dengan keamanan dan keselamatan di–rantau ini sa-lepas tahun 1971. (3 Februari 1969)

(127) KUALA LUMPUR, Ahad. TENGKU Abdul Rahman berkata bahawa Malaysia "tidak menutup pintu" kapada mana2 negara juga yang ingin berbaik2 dengan-nya malah China Komunis sa-kali pun. (3 Mac 1969)

(128) K. LUMPUR, Ahad. TENGKU Abdul Rahman hari ini menyeru kuasa2 besar di-dunia supaya chuba menyelesaikan dengan sa-berapa segera pertikaian yang "sangat merbahaya" antara Arab dengan Israel mengenai Baitul-Makdis. (28 April 1969)

(129) KUALA LUMPUR, Ahad. TIMBALAN PM dan Pengarah Gerakan, Tun Razak hari ini berkata bahawa perentah berkurong terpaksa di-teruskan beberapa waktu lagi supaya pasokan2 keselamatan dapat mengawal keamanan dan ketenteraman. (26 Mei 1969)

(130) KUALA LUMPUR, Ahad. POLIS telah menangkap 69 orang berthabit dengan kejadian 15 orang samseng menyerang tiga orang pemuda di-kawasan Jalan Chow Kit malam tadi. (7 Julai 1969)

(131) KELANG, Ahad. Kerajaan tidak akan melayan orang2 bukan warganegara yang memohon kera'ayatan sa-mata2 kerana hendak mendapatkan kerja, demikian di-tegaskan oleh Menteri Buroh, Enche V. Manickavasagam hari ini. (29 September 1969)

(132) ALOR SETAR, Ahad. TEMPAT2 yang disyakki sarang pengganas2 Komunis di-dalam hutan belentara di-Baling, dekat sempadan Thai telah di-bedil lagi dengan meriam2 hari ini. (20 Oktober 1969)

(133) KUALA LUMPUR, Ahad. PENGARAH Gerakan, Tun Razak, memberi jaminan bahawa Mageran tidak akan teragak2 menjalankan segala langkah untok mengwujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu, penoh ta'at setia, kokoh dan tegas. (3 November 1969)

(134) KUALA LUMPUR, Ahad. KIRA2 800 butir jam tangan yang mahal dan beberapa barang2 permata kesemua-nya di-taksir berjumlah lebeh $100,000, di-dapati hilang dari empat gerai di-Bangunan Robinson di- sini pagi tadi. (22 Disember 1969)

(135) KUALA LUMPUR, Ahad. Sejak sa-tahun sudah Parti Buroh Malaya menutup chawangan2-nya di-seluroh Malaysia Barat. (26 Januari 1970)

(136) K. Lumpur, Ahad. KERAJAAN tidak akan teragak2 untok mengambil tindakan keras ka-atas orang2 yang menyebarkan khabar2 angin konon-nya pergadohan kaum akan berlaku pada 13 Mei depan ini. (27 April 1970)

(137) KUALA LUMPUR, Ahad. PENGARAH Gerakan, Tun Razak hari ini mengulangi pendapat-nya bahawa keamanan dan harmoni antara kaum di- Malaysia hanya terjamin jika semua ra'ayat dari segala peringkat hidup mene'mati hasil2 kemajuan dan kekayaan negara dengan chara paling adil. (25 Mei 1970)

(138) KUALA LUMPUR, Ahad. NEGARA2 Islam malam ini di-seru supaya mengadakan rundingan bersama dari masa ka-masa untok menchapai perpaduan yang lebeh kukoh dan memberi sumbangan ka-pada keamanan dunia. (8 Jun 1970)

(139) KUCHING, Ahad. PERIKATAN Sarawak yang mendapat jumlah kerusi terbanyak sa-kali dalam Pilehanraya Dewan Negeri akan membentok Kerajaan Negeri yang baru. (6 Julai 1970)

(140) K. LUMPUR, Ahad. PENGARAH Gerakan, Tun Abdul Razak, berkata hari ini Malaysia tidak memasoki mana2 blok dalam segi pertahanan. (10 Ogos 1970)

(141) Kota Baharu, Ahad. POLIS Thai semalam telah menyelamatkan sa-orang pegawai Jabatan Ukur Malaysia yang telah di-tahan semenjak hari Khamis sudah oleh sa-gerombolan penchulik2 yang menuntut wang tebusan $20,000 untok pembebasan-nya. (9 November 1970)

(142) KUALA LUMPUR, Ahad. UMNO Malaysia sedang menyusun langkah2 baharu yang sesuai dan sa-laras dengan perkembangan baru politik negara pada masa akan datang.
(14 Disember 1970)

(143) K. LUMPUR, Ahad. PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak, telah melantek Menteri2 Kabinet bagi membantu Menteri2 Besar dan Ketua Menteri negeri2 yang di-landa banjir besar menjalankan kerja pemulehan penghidupan mangsa2 banjir di-negeri2 tersebut.
(18 Januari 1971)

(144) KUALA LUMPUR, Ahad. TUN Tan Siew Sin hari ini menawarkan diri meletak-kan jawatan sa-bagai Yang Di-Pertua Kebangsaan Persatuan China Malaysia (MCA) jika ia di-anggap penghalang kapada perpaduan masharakat China di- negara ini.
(8 Februari 1971)

(145) SEREMBAN, Ahad. PRESIDEN MCA, Tun Tan Siew Sin menegaskan malam ini bahawa perpaduan China ia-lah untok mengadakan dan memupok suatu dialog dengan Kerajaan dan orang2 bukan China, khas- nya orang2 Melayu di-negara ini.
(15 Mac 1971)

(146) KUALA LUMPUR, Ahad. DASAR Baru Ekonomi Malaysia dan sikap luar negeri-nya untok berbaik dengan semua negara supaya Asia Tenggara menjadi sa-buah kawasan berkecuali mendapat perhatian besar dari dua negarawan Eropah.
(26 April 1971)

(147) Kuala Lumpur, Ahad. PERHIMPUNAN khas UMNO Malaysia lewat petang ini meluluskan pindaan Perlembagaan-nya yang membolehkan anggota2 Majlis Kerja Tertinggi di-pileh tiga tahun sa-kali. (10 Mei 1971)

(148) P. PINANG, Ahad. MENTERI Kewangan, Tun Tan Siew Sin semalam membayangkan bahawa Kerajaan mungkin terpaksa mengadakan beberapa "langkah tegas" untok "memujok" bank2 perdagangan supaya menyokong dengan tegas tujuan2 dan chita2 ra'ayat Malaysia. (28 Jun 1971)

(149) KUALA LUMPUR, Ahad. RANCHANGAN Pembangunan Malaysia yang Kedua menelan biaya sa-banyak $14,350 juta akan memandu ra'ayat Malaysia memasoki satu zaman pembangunan yang baru, penoh dengan keazaman bagi menghadapi sa-tiap chabaran.
(12 Julai 1971)

(150) KUALA LUMPUR, Ahad. PEMIMPIN2 Kerajaan parti pembangkang dan dewan2 perniagaan hari ini mengalu2kan kejayaan rundingan antara rombongan perdagangan China dengan PERNAS dan mensifatkan hasil2- nya sa-bagai babak permulaan perdagangan sa-chara langsung antara kedua negara. (30 Ogos 1971)

(151) IPOH, Ahad. ORANGRAMAI dalam kawasan "Gerakan Setia" yang di-kenakan perentah berkurong siang malam, sedang di-beri borang2 mengandongi 11 pertanyaan supaya menerangkan kapada pehak berkuasa kegiatan pengganas2 komunis.
(27 September 1971)

(152) KUALA LUMPUR, Ahad. YUNIT penguatkuasa undang2 Lembaga Beras Negara (LBN) telah di-persenjatai untok menghadapi penyeludup2 beras di-sepanjang sempadan Malaysia-Thai (15 November 1971)

(153) KUANTAN, Ahad. PERDANA Menteri Tun Abdul Razak akan mengepalai satu pasokan lasak jurutera2 untok meranchang pembenaan tiga buah ampangan di-anak2 Sungai Pahang untok mengawal banjir di- negeri itu. (20 Disember 1971)

(154) KUALA LUMPUR, Ahad. PEMIMPIN2 perkapalan Malaysia dan Singapura bertolak ka-London hari ini untok meranchang perjuangan besar yang kedua untok mendapatkan hak membawa barang2 dengan FEFC (Far Eastern Freight Conference) atau Persatuan Perkapalan Timor Jauh. (17 Januari 1972)

(155) PULAU PINANG, Ahad. PERIKATAN telah bersetuju pada dasar-nya untok menubohkan sa–buah Kerajaan Champoran dengan Gerakan Pulau Pinang, demikian di–umumkan di-sini hari ini oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak. (14 Februari 1972)

(156) K. TRENGGANU, Ahad. LOMBONG2 Bukit Besi di-Dungun akan di-buka sa-mula, tetapi sa-chara kechil saja, demikian menurut Perdana Menteri Tun Abdul Razak malam tadi. (6 Mac 1972)

(157) Kuala Lumpur, Ahad. TUN Dr. Ismail hari ini mengingatkan mereka yang bernasib baik mendapat hak2 istimewa Melayu dan Bumiputera hendak-lah mengamalkan-nya menurut susila dan peratoran yang memelihara maruah masharakat Melayu dan Islam. (10 April 1972)

(158) K. Lumpur, Ahad. PAS menganggap soal Kerajaan champoran di-Kelantan bukan-lah "mustahil" jika di–majukan dengan chara yang tidak merugikan mana2 pehak. (1 Mei 1972)

(159) KUALA LUMPUR, Ahad. SA–ORANG wakil UMNO Kedah, Enche Azhari Taib meminta Kerajaan Pusat mengkaji sa-mula pengurusan dan pentadbiran lebeh 260,000 ekar tanah di-Ranchangan Perayeran Muda untok meninggikan pendapatan dan taraf pendapatan petani2 di-situ. (26 Jun 1972)

(160) K. LUMPUR, Ahad. TUN Abdul Razak berkata hari ini bahawa kemenangan Perikatan dalam pilehanraya kechil Parlimen kawasan Rembau–Tampin, sa-kali lagi menunjokkan sokongan ra'ayat kapada parti dan Kerajaan. (10 Julai 1972)

(161) Dungun, Ahad. PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak, petang ini melancharkan "Gerakan Pembaharuan" untuk menyertai berbagai bidang pembangunan bagi menchapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Negara. (7 Ogos 1972)

(162) PULAU PINANG, Ahad. HARIAN Soviet, Pravda telah memuji dasar luar Malaysia di-bawah pimpinan Tun Abdul Razak yang katanya bersifat "bebas dan realistik". (4 September 1972)

(163) Kuala Lumpur, Ahad. PEKEBUN–PEKEBUN kecil getah di seluruh Malaysia Barat masih tidak dapat menikmati faedah dan kesan dari kenaikan harga getah yang melambung antara 7 hingga 10 sen sekati (10 hingga 15 sen sekilo) sejak 10 hari yang lalu. (23 Oktober 1972)

(164) K. LUMPUR, Ahad. LANGKAH–langkah untuk menghadapi banjir musim tengkujuh ini sudah siap diatur di seluruh Malaysia Barat (6 November 1972)

(165) KUALA LUMPUR, Ahad. MENTERI Negara Urusan Pertahanan Indonesia, Jenderal Tun M. Panggabean, yakin kegiatan komunis di sempadan Malaysia-Indonesia akan dapat ditumpaskan secepat mungkin. (11 Disember 1972)

(166) K. Lumpur, Ahad. LEMBAGA Kemajuan Bandar (UDA) dan MARA akan membelanjakan kira-kira $108 juta tahun ini untuk menggalakkan lebeh ramai orang Melayu menyertai bidang perniagaan dan perusahaan. (22 Januari 1973)

(167) KUALA LUMPUR, Ahad. PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak, mahukan Radio dan TV Malaysia memainkan peranan penting menentang kegiatan–kegiatan komunis dan anasir-anasir anti-nasional. (12 Mac 1973)

(168) KUALA LUMPUR, Ahad – Taraf pengajaran, kemudahan dan kelengkapan "yang jauh berbeza" antara sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan menengah Inggeris perlu diselaraskan, tegas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris.
(23 April 1973)

(169) KUALA LUMPUR, Ahad. NAIB Censelor Universiti Malaysia, Professor Ungku Aziz hari ini menjelaskan beberapa perkara pokok secara mendalam mengenai Penubuhan Tabung Siswa dan Organisasi Kemasukan (OK) ke Universiti. (21 Mei 1973)

(170) ALOR SETAR, Ahad. ENCIK Musa Hitam hari ini mengumumkan pembentukan sebuah Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan untuk menasihat Kerajaan dalam hal-hal mengenai perlindungan pengguna-pengggguna serta langkah-langkah mengatasi masalah kenaikan harga barang-barang. (11 Jun 1973)

(171) Paloh, Ahad. LIMA orang empat Melayu dan seorang Cina telah terbunuh manakala lapan orang lain cedera apabila lori yang mereka naiki berlanggar dengan sebuah lori lain dekat batu 3 ½, Jalan Yong Peng di sini, malam tadi. (9 Julai 1973)

(172) KUALA LUMPUR, Ahad – Langkah Kerajaan Malaysia mengasingkan pasaran getah dengan Singapura adalah keputusan muktamad. Pasaran Getah Malaysia (MRE) tetap berjalan sendirian. (27 Ogos 1973)

(173) KOTA KINABALU, Ahad.Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Haji Mustapha hari ini mengumumkan sumbangan sebanyak $120,000 untuk perkembangan sastera.
(17 September 1973)

(174) KOTA KINABALU, Ahad. LEMBAGA Padi Sabah akan jadi pengimport tunggal dan pengedar beras di negeri itu, mulai esok. (1 Oktober 1973)

(175) KUALA LUMPUR, Ahad. MALAYSIA akan bertukar menjadi "negara perusahaan" tahun 1990 –17 tahun dari sekarang. (26 November 1973)

(176) IPOH, Ahad. TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Hussain Onn, hari ini memberi amaran tentang reaksi buruk dari kalangan rakyat jika petualang- petualang harga dan peniaga yang mengeksploit inflasi meneruskan perbuatan curang mereka. (24 Disember 1973)

(177) MALIM NAWAR, Ahad. KIRA–KIRA 6,000 orang penduduk Malim Nawar hari ini berikrar akan memerangi dan menghapuskan sabversif dan pengaroh komunis di pekan mereka. (7 Januari 1974)

(178) KUALA LUMPUR, Ahad. Kerajaan mungkin bertindak menghadkan bilangan stor atau gudang yang boleh dipunyai oleh seseorang pemborong atau pembekal bagi mencegah kejadian menyorok atau menyeludup barang- barang keperluan seperti tepung, gula dan minyak tanah. (4 Februari 1974)

(179) K. LUMPUR, Ahad. KEMPEN Anti-Sorok yang telah dilancarkan selama 10 hari lalu telah berjaya memudahkan mendapat barang-barang terkawal di pasaran.
(11 Mac 1974)

(180) K. LUMPUR, Ahad. RAMAI dari hippi-hippi yang dihalau keluar baru-baru ini telah membawa pengaruh buruk kepada belia-belia negeri ini, demikian ditegaskan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, hari ini. (1 April 1974)

(181) PEKAN, Ahad. – Seluruh negeri Pahang mulai berkabung hari ini kerana kemangkatan Sultan Sir Abu Bakar Riayatuddin Almuazam Shah Ibni Almarhum Sultan Abdullah pada jam 12.45 pagi tadi setelah memerintah selama 42 tahun.
(6 Mei 1974)

(182) KUALA LUMPUR, Ahad. - Polis hari ini menawarkan hadiah $250,000 kepada sesiapa yang memberikan maklumat hingga tertangkapnya pembunuh-pembunuh Ketua Polis Negara Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman bin Hashim. (10 Jun 1974)

(183) KUALA LUMPUR, Ahad. TUN Abdul Razak hari ini mengingatkan lagi, soal hidup mati atau survival negara keseluruhannya hendaklah di pentingkan kerana atas dasar itulah usaha mewujudkan satu bangsa Malaysia akan tercapai. (8 Julai 1974)

(184) KUALA LUMPUR, Ahad. Tun Abdul Razak menegaskan pagi ini, Kerajaan baru Barisan Nasional akan sentiasa bergerak cergas atau "action oriented," bagi mengukuhkan perpaduan kaum yang menjadi asas kemajuan dan keutuhan negara. (26 Ogos 1974)

(185) K. LUMPUR, Ahad. PEMANGKU Naib Canselor Universiti Malaya, Professor Ahmad Ibrahim mengumumkan bahawa seluruh pentadbiran universiti akan berjalan seperti biasa mulai esok. (23 September 1974)

(186) ALOR SETAR, Ahad. SEDANG orang–orang Islam bersiap menyambut Hari Raya yang akan tiba beberapa hari sahaja lagi, kemalangan telah menimpa seramai 57 orang dari 14 keluarga pada malam tujuh lekor di sini. (14 Oktober 1974)

(187) JOHOR BAHARU, Ahad. MENTERI Besar Johor, Datuk Haji Othman Saat, berkata beliau tidak dapat menerima tuduhan pada keseluruhannya peneroka-peneroka rancangan tanah Felda di negeri ini melakukan perbuatan maksiat dan masuk bar. (4 November 1974)

(188) MELAKA, Ahad. LIMA ORANG anak dari keluarga 11 orang telah mati setelah makan kari telur ikan kurau yang disyaki beracun tengahari semalam. (2 Disember 1974)

(189) TANJUNG MALIM, Isnin – Seratus empatpuluh orang wanita menempa sejarah hari ini sebagai rombongan wanita pertama memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris selepas 53 tahun ia dikhaskan untuk lelaki. (21 Januari 1975)

(190) KUALA LUMPUR, Ahad. Satu Tatacara bagi keamanan perusahaan dan membaiki pandangan serta pendekatan terhadap hubungan perusahaan di negara ini ditandatangani petang ini. (10 Februari 1975)

(191) KUALA LUMPUR, Ahad. Muktamar Pertubuhan-Pertubuhan Perempuan Islam mengusulkan pembentukan Suruhanjaya Halehwal Ugama Islam Malaysia bagi mengkaji cara–cara pelaksanaan undang–undang Islam. (10 Mac 1975)

(192) PEKAN, Ahad. PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak hari ini mengarahkan supaya 'perang habis-habisan' dilancarkan terhadap para pengedar dan penjual dadah di negara ini demi mengelakkan penyakit masyarakat yang burok padahnya. (7 April 1975)

(193) ALOR SETAR, Ahad. PEGAWAI–pegawai Kastam dari Kedah Utara telah berjaya merampas heroin dan candu mentah bernilai $2.7 juta di Chuping, dekat sempadan Perlis–Thai awal pagi ini. (19 Mei 1975)

(194) K. LUMPUR, Ahad. KERAJAAN tidak akan membenarkan anggota tentera berhenti melainkan setelah mereka menerima latihan peralihan dan sesudah ditentukan mendapat pekerjaan tetap, Tun Razak menyatakan hari ini. (16 Jun 1975)

(195) K. LUMPUR, Isnin. TUN Haji Mohamed Fuad meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua Negara Sabah hari ini, dan beliau menuduh Tun Datu Mustapha membuat rancangan hendak membawa Sabah keluar dari Malaysia dan menubuhkan sebuah negara baru. (28 Julai 1975)

(196) KUALA LUMPUR, Ahad. POLIS telah menjumpai dua mayat yang dipercayai suami isteri dan ada kaitan dengan pembunuhan peguam R. Mahadevan, pagi semalam.
(4 Ogos 1975)

(197) KUALA KUBU BAHRU, Ahad. – Seramai 13 orang penumpang bas, termasuk sepasang suami isteri dan seorang anak lelakinya, terbunuh serta merta apabila kenderaan itu berlanggar dengan sebuah lori di Batu 25 ¾, Jalan Tanjung Malim-Kuala Lumpur, malam tadi.
(8 September 1975)

(198) K. LUMPUR, Ahad. SEKURANG-kurangnya 500,000 penduduk dalam 30 kawasan di Semenanjung Malaysia dijangka memulakan tugas mereka mengawal keselamatan mereka dan negara di bawah Rancangan Rukun Tetangga menjelang 1 Januari tahun depan.
(13 Oktober 1975)

(199) K. LUMPUR, Ahad. MENTERI Besar Selangor, Dato Haji Harun Idris, berkata hari ini beliau boleh menimbangkan tawaran menjadi wakil Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu setelah segala tuduhan terhadapnya oleh pihak pembangkang dapat di selesaikan.
(24 November 1975)

(200) Kuala T'ganu, Ahad. POLIS di sini sedang berusaha menghubungi dan mengetahui kedudukan 50 orang nelayan tempatan yang dilaporkan terkandas di beberapa buah pulau di Pantai Timur sejak 3 hari lalu.
(22 Disember 1975)

(201) K. LUMPUR, Ahad. INSTITUT Teknoloji MARA di Shah Alam mungkin dibuka semula minggu depan untuk beberapa kursus tertentu sahaja, demikian diumumkan oleh Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.
(19 Januari 1976)

(202) IPOH, Ahad. PENGGANAS-PENGGANAS komunis di Selatan Thailand, sekarang memperalatkan penyeludup-penyeludup sebagai pembuka jalan untuk mereka menyusup ke dalam wilayah Malaysia, demikian menurut Pemerintah Briged ke-2 Infantri Malaysia, Brig. Jen. Jaafar Onn, hari ini.
(16 Februari 1976)

(203) P.PINANG, Ahad. MENTERI Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, akan berunding dengan perbadanan-perbadanan awam, dewan- dewan perniagaan dan pemodal-pemodal asing tidak lama lagi bagi menarik lebih banyak pelaburan asing dan penyertaan orang Melayu dalam bidang perniagaan.
(29 Mac 1976)

(204) KOTA KINABALU, Ahad. – Ketua Menteri, Tun Mohamed Fuad telah mengeluarkan arahan tidak membenarkan sebarang kapalterbang Penerbangan Sabah terbang tanpa kebenarannya
(19 April 1976)

(205) KOTA KINABALU, Ahad. BEKAS pegawai-pegawai kanan dalam Jabatan Ketua Menteri dan kepala-kepala perbadanan berkanun ialah diantara mereka yang telah kehilangan jawatan mereka akibat langkah- langkah yang dijalankan oleh Kerajaan baru yang dikuasai oleh Berjaya untuk membersihkan jawatan-jawatan yang dulunya diadakan oleh kerajaan yang dikuasai oleh Usno.
(3 Mei 1976)

(206) TUMPAT, Ahad. SEKUMPULAN empat orang bersenjatapi, dipercayai rakyat Thai, telah melarikan bot nelayan Malaysia bersama nelayan- nelayan tersebut ke Selatan Thailand.
(21 Jun 1976)

(207) K. Lumpur, Ahad. Datuk Hussein Onn akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga yang berteraskan tiga matlamat-membasmi kemiskinan, meneruskan usaha menyusun semula masyarakat dan memperkukuh lagi keselamatan negara di Dewan Rakyat petang esok.
(19 Julai 1976)

(208) JOHOR BARU, Ahad. POLIS telah dapat memberkas dua dari empat lelaki selepas mereka merompak seorang jurujual dalam satu drama tembak-menembak dengan dua orang mata-mata gelap dekat sini malam tadi. (2 Ogos 1976)

(209) KUALA LUMPUR, Ahad. – Puan Ramlah atau Rahmah binti Fajar, qariah Negeri Sembilan yang menyertai Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan di sini telah melahirkan anak ketujuhnya di Hospital Universiti subuh ini dan ini disifatkan sebagai satu rahmat oleh Pengerusi Musabaqah itu, Tan Sri Syed Nasir Ismail. (13 September 1976)

(210) KUALA LUMPUR, Ahad. – Satu kebakaran telah memusnahkan lapan buah kedai di Pasar Serdang Bharu, kira-kira 12 batu dari sini awal pagi ini. (25 Oktober 1976)

(211) BETONG, Ahad – Kerajaan baru Thai telah mula melancarkan gerakan pembersihan di kawasan terpenting Betong yang selama ini menjadi tempat perlindungan anggota–anggota Parti Kominis Malaya. (22 November 1976)

(212) KUALA LUMPUR, Ahad – Satu yunit rondaan bersama mengandungi pegawai-pegawai Kastam, Polis, Imigreysen dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) akan ditubuhkan di sepanjang kawasan sempadan Malaysia -Thai untuk menentang penyeludupan. (13 Disember 1976)

(213) KUALA LUMPUR, Ahad – CUEPACS (Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam) hari ini mengambil keputusan membatalkan rancangan tindakan mogoknya ke atas pelaksanaan Laporan Gaji Ibrahin Ali. (31 Januari 1977)

(214) KUALA LUMPUR, Ahad. – Presiden India, Tuan Shri Fakaruddin Ali Ahmed dan isterinya, Begum Adiba diberi sambutan permaidani merah di sini dalam usaha mengeratkan lagi tali persahabatan antara dua negara. (7 Februari 1977)

(215) KUALA LUMPUR, Ahad. Seluruh tenaga rakyat Malaysia akan digerakkan sepenuhnya dalam stratiji baru perang saraf yang akan diarahkan oleh Majlis Keselamatan Negara untuk menentang penyerapan kominis di negara ini. (14 Mac 1977)

(216) JOHOR BARU, Ahad – Raja Muda Johor, Tengku Mahmood Iskandar, hari ini dihukum penjara enam bulan oleh Mahkamah Tinggi di sini atas tuduhan menyebabkan kematian Teo Ah Bah, bukan dengan tujuan membunuh (18 April 1977)

(217) JITRA, Ahad. DR. MAHATHIR Mohamad hari ini, mengumumkan empat langkah penting yang sedang dilaksanakan di bawah RMK-3, termasuk usaha memperkukuhkan pengajaran sains dan ilmu hisab di peringkat rendah dan menengah dalam usaha menyesuaikan lagi sistem Pelajaran dan latihan untuk menampung keperluan tenaga rakyat (2 Mei 1977)

(218) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan akan menubuhkan "Tabung Amanah Tanah" untuk memajukan tanah–tanah yang terbiar di seluruh negara, demikian diumumkan oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Haji Mohd. Asri hari ini. (26 Julai 1977)

(219) KUCHING, Ahad. – Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yakub, berkata hari ini, `beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Hussein Onn untuk "memprotes" tentang penukaran tempat projek urea yang dibincangkan dari Bintulu dalam Bahagian Keempat Sarawak ke Kuantan di Pahang. (15 Ogos 1977)

(220) KUALA LUMPUR, Ahad – Sebuah unit bagi mengendali dan memudahkan perbadanan–perbadanan antarabangsa membuka Ibu- pejabat serantau mereka di Malaysia akan ditubuhkan tidak lama lagi, kata Datuk Hussein Onn. (19 September 1977)

(221) MELAKA, Ahad – Pemangku Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohammed telah menyeru pemimpin-pemimpin parti supaya menunjukkan saluran-saluran yang betul mengikut perlembagaan dalam usaha mengatasi segala masalah yang timbul.
(10 Oktober 1977)

(222) KUALA LUMPUR, Ahad – Perdana Menteri Datuk Hussein Onn mengumumkan hari ini Kerajaan Pusat akan mengambilalih pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan bagi sementara waktu di bawah pemerintahan kuasa darurat. (7 November 1977)

(223) JOHOR BAHRU, Ahad – Pakar-pakar penerbangan yang bertugas di tempat nahas kapalterbang Mas di Tanjung Kupang untuk mencari bukti kemalangan, telah menjumpai kotak pencatat data penerbangan-bukan kotak hitam-petang semalam.
(12 Disember 1977)

(224) KUALA LUMPUR, Ahad – Usaha melombong bijeh timah di kawasan seluas 40,000 ekar di Kuala Langat, yang dipercayai mempunyai simpanan bijeh terbanyak di dunia telahpun dimeterai (2 Januari 1978)

(225) KOTA BHARU, Ahad – Yang Dipertuan Agung, berkenaan menarik balik kuatkuasa pemerintahan darurat di Kelantan mulai hari ini. (13 Februari 1978)

(226) PULAU PINANG, Ahad – Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pelaburan sedang "memerhatikan" semua agensi Kerajaan yang terlibat dengan pelaburan untuk menyelaraskan kegiatan mereka bagi mengurangkan peraturan–peraturan birokratik seberapa yang boleh. (27 Mac 1978)

(227) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan akan melancarkan satu rancangan raksaksa memajukan kira–kira satu juta ekar kawasan terbiar atau kawasan tanaman padi yang tidak dimajukan sepenuhnya di Semenanjung Malaysia. (17 April 1978)

(228) KUALA LUMPUR, Ahad – Tiga orang pekerja Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang disyaki bersubahat melakukan sabotaj terhadap KTM telah diadukan kepada polis, demikian menurut Timbalan Pengurus Besar KTM, Encik Mohammed Noor Abu Othman.
(29 Mei 1978)

(229) KUALA LUMPUR, Ahad – Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia sebulat suara memberi sokongan penuh dan bulat kepada Datuk Hussein Onn sebagai Presiden dan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Timbalan Presiden UMNO dalam perhimpunan agung UMNO akan datang. (5 Jun 1978)

(230) KUALA LUMPUR, Ahad – Perdana Menteri Datuk Hussein Onn hari ini menetapkan beberapa peraturan dan amalan yang mengutamakan disiplin yang mesti dipatuhi oleh wakil–wakil rakyat Barisan Nasional. (31 Julai 1978)

(231) KUALA LUMPUR, Ahad – Sembilan orang tokoh disahkan dengan rasminya akan bertanding merebut jawatan Naib Presiden UMNO Malaysia dalam perhimpunan agung parti itu pada 15 September ini– bilangan paling ramai pernah bertanding untuk jawatan itu.
(28 Ogos 1978)

(232) ALOR SETAR, Ahad – Dua beranak terbunuh dan tiga yang lain cedera parah apabila sebutir peluru meriam penangkis kereta kebal meletup di rumah asap getah di Kampung Batu Lapan dekat Jeniang, 36 batu dari sini pagi ini. (25 September 1978)

(233) TAIPING, Ahad. ANTARA 70,000 hingga 100,000 orang penduduk Malaysia dipercayai menjadi penagih dadah, berdasarkan formula iaitu 5 orang penagih yang tidak dikesan bagi setiap seorang penagih yang ditangkap. (8 Oktober 1978)

(234) KUALA LUMPUR, Ahad – Baginda Sultan Pahang dan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, hari ini mengadakan "pertemuan khas hati ke hati" membincangkan perkara perlucutan gelaran dan darjah kebesaran negeri itu dari Menteri Undang-Undang Datuk Seri Hamzah Abu Samah. (20 November 1978)

(235) KUALA TRENGGANU, Ahad – Nelayan–nelayan di Merang, 23 batu dari sini, kini tidak dapat keluar ke laut kerana rangka-rangka bot pendatang haram Vietnam yang karam di situ, kini menutup muara Sungai Merang. (25 Disember 1978)

(236) KUALA LUMPUR, Ahad – Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn memberi amaran kepada semua pihak supaya jangan memutarbelitkan hasrat dan tujuan Kerajaan dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru dengan membuat tuduhan tidak berasas terhadap semangat pelaksanaannya. (1 Januari 1979)

(237) KUALA LUMPUR, Ahad – Lebih setengah juta orang penduduk berpuluh kampung di Kedah dan Johor kini diberitakan menghadapi kesulitan air minum akibat kemarau panjang sekarang ini. (5 Februari 1979)

(238) ALOR SETAR, Ahad. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, hari ini menyeru golongan bukan Bumiputera yang lebih maju dalam lapangan perniagaan supaya memberi pertolongan dan bimbingan yang lebih berkesan kepada Bumiputera bagi menjayakan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. (26 Mac 1979)

(239) PELABUHAN KELANG, Ahad – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas setengah–tengah orang Melayu yang mempunyai kedudukan tinggi dan pendapatan lumayan hasil perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) tetapi melupakan asas yang meletakkan mereka di tempat tersebut apabila sudah berjaya. (9 April 1979)

(240) PELABUHAN KELANG, Ahad – Rakyat Malaysia yang pergi ke Singapura hendaklah menukarkan ringgit Malaysia kepada dolar Singapura sebelum memasuki republik tersebut sekiranya ingin mengelakkan kemungkinan dieksploitasi. (21 Mei 1979)

(241) KUCHING, Ahad – Menteri Pelajaran Datuk Musa Hitam berkata, kementeriannya sedang mencari jalan mengikut undang–undang untuk menyingkirkan guru–guru yang terang–terang menentang Dasar Pelajaran Kebangsaan. (4 Jun 1979)

(242) KUALA LUMPUR, Ahad – Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah akan meminda undang–undang untuk mengelak berlakunya pemilikan tanah pertanian secara beramai-ramai. (2 Julai 1979)

(243) KANGAR, Ahad. PARA pelawat dari Semenanjung Malaysia yang hendak ke Pekan Siam dan Padang Besar dinasihatkan menangguhkan rancangan mereka buat sementara untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku yang boleh mengancam keselamatan mereka. (13 Ogos 1979)

(244) KUALA LUMPUR, Ahad – Calon Presiden MCA yang kalah, Datuk Michael Chen akan menemui Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn beberapa hari lagi bagi mendapatkan pandangan mengenai kedudukan beliau sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (10 September 1979)

(245) K. LUMPUR, Ahad. PERDANA Menteri Datuk Hussein Onn hari ini mengumumkan perlantikan Datuk Samy Vellu sebagai Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang baru berkuatkuasa mulai esok. (22 Oktober 1979)

(246) PORT DICKSON, Ahad – Kerajaan telah menubuhkan 1,773 pusat pemindahan yang dapat menampung lebih 468,000 orang mangsa banjir di seluruh Semenanjung untuk menghadapi kemungkinan banjir besar tahun ini. (19 November 1979)

(247) MERSING, Ahad – Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sedang menjalankan rondaan di kawasan perairan Laut China Selatan bagi mencegah pencerobohan nelayan-nelayan asing di beberapa kawasan di sini terutama Pulau Tioman, Pulau Pemanggil dan Pulau Aur. (17 Disember 1979)

(248) ALOR SETAR, Ahad – Seorang ibu bersama anak perempuannya berumur lima bulan mati hangus bila mereka dijilat api dalam satu kebakaran di Kampung Paya Sidang, Pokok Sena, 20 batu dari sini tengahari tadi. (7 Januari 1980)

(249) PETALING JAYA, Ahad – Tuah ayam dapat dilihat, tapi nasib penyabung ayam memang sukar diramalkan, kerana sedang mereka asyik bersorak sorai tengahari tadi, sepasukan polis menyerbu dan menangkap 41 orang dari mereka. (4 Februari 1980)

(250) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan dijangka melancarkan Operasi Isi Penuh peringkat kedua tidak lama lagi untuk mengisi beribu-ribu jawatan kosong di jabatan kerajaan dan badan berkanun. (3 Mac 1980)

(251) PEKAN, Ahad – Gerakan memburu seorang lelaki sedang dijalankan di seluruh negara selepas wang tunai berjumlah $724,083 lesap dari cawangan Bank Bumiputera di Bukit Ibam, Pahang Tenggara, 50 batu dari sini kelmarin. (21 April 1980)

(252) KUALA LUMPUR, Ahad – Hampir 10,000 jawatan kosong dalam perkhidmatan awam yang diiklankan dalam "Operasi Isi Penuh" pertama dan kedua masih belum dipenuhi. (5 Mei 1980)

(253) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Hussein Onn petang ini memberi amaran keras kepada golongan yang menjadikan Dasar Ekonomi Baru sebagai permainan politik kerana kegiatan itu sekiranya tidak dikawal akan menimbulkan huru-hara dan kekacauan. (2 Jun 1980)

(254) PADANG BESAR, Ahad – Lima orang kanak-kanak lelaki berumur antara enam hingga lapan tahun telah dijumpai mati lemas di sebuah kolam air lama di sini pagi ini. (14 Julai 1980)

(255) KUALA LUMPUR, Ahad – Malaysia berjaya menebus kekalahan sejak tahun 1976 apabila Haji Abdul Ghani Abdullah muncul sebagai Johan Qari Musabaqah Membaca Quran Peringkat Antarabangsa, tahun ini. (4 Ogos 1980)

(256) KUALA LUMPUR, Ahad – Perhimpunan dan perarakan Hari Kebangsaan di ibunegara pagi ini terlewat lebih tiga jam kerana hujan lebat, tetapi sambutannya tetap meriah. (1 September 1980)

(257) KUALA LUMPUR, Ahad – Kakitangan Kerajaan yang berkhidmat dengan cemerlang akan ditimbang mendapat kenaikan pangkat "segera" di bawah sistem galakan, yang akan diperkenalkan tidak lama lagi. (20 Oktober 1980)

(258) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Hussein Onn hari ini menggesa golongan ulamak dan cerdik pandai menyelidik berbagai kelemahan umat Islam bagi memperbaiki kedudukan mereka di bidang kemajuan rohani dan jasmani. (10 November 1980)

(259) KUALA LUMPUR, Ahad. BEBERAPA buah kedai buku di sekitar Bandaraya telah menaikkan harga buku-buku teks secara "haram" sehingga 40 peratus dan menimbulkan kegelisahan di kalangan ibubapa. (29 Disember 1980)

(260). KUALA LUMPUR, Ahad – Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah mengulangi jaminan, Kerajaan akan mengeluarkan dividen tidak kurang dari 10 peratus kepada pelabur-pelabur dalam Tabung Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) seperti yang dijanjikan. (12 Januari 1981)

(261) KUALA LUMPUR, Ahad – Ura-ura Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohamed Asri, bekerjasama dengan DAP dalam pilihanraya umum akan datang ditentang hebat oleh sebahagian besar pemimpin dan ahli PAS di negara ini. (2 Februari 1981)

(262) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini tidak menggalakkan masyarakat Bumiputera meminjam wang dari bank-bank perdagangan atau syarikat kewangan untuk membeli saham dari Amanah Saham Nasional yang akan dilancarkan April depan. (2 Mac 1981)

(263) JITRA, Ahad – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, kerajaan tidak akan menaikkan harga padi untuk menambah pendapatan petani kerana tindakan seperti ini akan membebankan rakyat yang lain. (6 April 1981)

(264) KUALA LUMPUR, Ahad – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan beliau telah menyembahkan rayuan pengampunan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Haji Idris kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. (18 Mei 1981)

(265) MELAKA, Ahad – Mayat sepasang suami–isteri tua yang reput dan busuk, dipercayai dibunuh, dijumpai di dalam kolah panjang bilik mandi mereka di Bukit Baru di sini pagi ini. (8 Jun 1981)

(266) KULAI, Ahad – Sebahagian dari pekan Kulai musnah dijilat api dalam satu kebakaran besar malam semalam, mengakibatkan 650 orang kehilangan tempat tinggal. (6 Julai 1981)

(267) PULAU PINANG, Ahad – Semua kakitangan kerajaan, termasuk menteri dan ketua-ketua jabatan akan diwajib mengisytiharkan harta mereka seberapa segera tahun ini, demikian kata Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Haji Embong Yahya. (17 Ogos 1981)

(268) BAHAU, Ahad – PEMANGKU Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mengarahkan langkah segera diambil bagi mengkaji semula peranan, strategi dan cara-cara bantuan yang diberikan kepada Perbadanan- perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). (7 September 1981)

(269) KUALA LUMPUR, Ahad – Empat juruteknik sebuah kilang di zon perdagangan bebas Ulu Klang di sini cedera parah apabila mesin 'radiation' kilang tersebut tiba-tiba meletup 8.30 pagi tadi (gambar di muka 11). (19 Oktober 1981)

(270) SEMERAH, Ahad – Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah akan menyiasat aduan berhubung pembelian jentera-jentera berat oleh Risda bernilai berjuta ringgit yang kini tersadai di Pejabat-pejabat Wilayah Risda di Semenanjung. (9 November 1981)

(271) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan mengamalkan prinsip akal budi dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab mereka. (28 Disember 1981)

(272) KUALA LUMPUR, Ahad – Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, serta dua orang penumpang yang belum dikenali kemalangan apabila pesawat Cessna 206 yang dipandunya terhempas. (11 Januari 1982)

(273) JOHOR BAHRU, Ahad – Sepuluh orang lelaki bermotosikal, bersenjatakan parang dan kayu mengadakan perarakan atau "demonstrasi kemenangan" di depan rumah mangsa mereka, seorang pekerja kilang kain berumur 16 tahun di pekan Nenas, kira-kira 40 kilometer dari sini semalam (1 Februari 1982)

(274) KUALA LUMPUR, Ahad. Pilihanraya kebangsaan kini berada di ambang pintu apabila Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, kecuali Sabah Sarawak dibubarkan hari ini. (22 Mac 1982)

(275) KUALA KRAI, Ahad – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan bahawa UMNO bekerjasama dengan MCA dan MIC kerana ahli parti-parti bukan Islam tersebut tidak memusuhi Islam. (19 April 1982)

(276) MORIB, Ahad – Empat orang terbunuh dan seorang lagi cedera parah apabila kereta yang mereka naiki terbabas di selekoh dekat Tanjung Sepat di sini dan melanggar sebuah tembok sebelum terhumban ke dalam longkang di situ dan terbakar. (3 Mei 1982)

(277) KUALA LUMPUR. Ahad – Semua aspek pentadbiran perkhidmatan awam akan dikaji semula bagi menyesuaikannya dengan hasrat pembangunan negara, sejajar dengan konsep Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah. (7 Jun 1982)

(278) JITRA, Ahad – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam tadi menegaskan betapa pentingnya umat Islam mendisiplinkan diri serta gigih dalam memberi ilmu pengetahuan. (12 Julai 1982)

(279) KUALA LUMPUR, Ahad - Satu sindikit mencampurkan minyak petrol berjaya dibongkar oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian setelah mereka menyerbu tempat kegiatan haram itu di Segambut Dalam dekat di sini. (9 Ogos 1982)

(280) KOTA BAHARU, Ahad – Pengarah Perbadanan Pemulihan dan Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (TAKDIR), Encik Jaafar Abu Bakar, mendedahkan terdapat pegawai-pegawai kerajaan dan penyelia TAKDIR mempunyai lot–lot tanah dan meneroka secara haram tanah rancangan itu. (6 September 1982)

(281) KOTA BAHARU, Ahad – Kerajaan Negeri Kelantan membekukan dua kawasan membalak kepunyaan dua syarikat asing di Hulu Kelantan melibatkan kawasan kira-kira 78, 000 hektar. (25 Oktober 1982)

(282) KUALA LUMPUR, Ahad – Presiden Pakistan Zia-Ul-Haq dalam ucapannya di majlis santapan diraja malam tadi menyeru Russia dan Vietnam mengundurkan segera tentera mereka dari Afghanistan dan Kampuchea. (8 November 1982)

(283) KUALA LUMPUR, Ahad – Sos cili dan tomato yang dijual di pasaran dikhuatiri menggunakan bahan-bahan yang tidak disahkan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) meskipun botolnya mempunyai tanda piawaian SIRIM. (6 Disember 1982)

(284) JASIN, Ahad – Kerajaan bercadang memansuhkan kesatuan sekerja yang mewakili keseluruhan pekerja dalam sesuatu bidang perkhidmatan untuk diganti dengan kesatuan sekerja dalam syarikat bagi menjamin kepentingan pekerja, majikan dan negara. (24 Januari 1983)

(285) KOTA BAHRU, Ahad – Kumpulan 13 pimpinan Datuk Haji Asri Muda sedang merangka dasar dan perlembagaan penubuhkan parti baru berdasarkan Al-Quran dan hadis serta akidah Islam yang boleh bekerjasama dengan Barisan Nasional. (28 Februari 1983)

(286) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan akan terus bertindak tegas menyekat pengedaran pita video lucah dan yang tidak dirampas kerana ia kini sudah sampai ke peringkat bahaya dan boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman negara. (14 Mac 1983)

(287) KOTA BAHARU, Ahad – Kementerian Pelajaran akan menempatkan guru-guru agama dan akademik dalam semua sekolah menengah agama yang terletak di bawah kerajaan negeri di seluruh negara, mulai tahun ini. (18 April 1983)

(288) KUALA LUMPUR, Ahad – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan dikaji semula pembekuan sementara pinjaman perumahan kepada kakitangan awam. (30 Mei 1983)

(289) KUALA LUMPUR, Ahad – Bank Islam Malaysia Bhd merancang untuk membuka 15 cawangan di seluruh negara dalam masa tiga tahun, kata Pengarah Urusannya, Dr. Abdul Halim Ismail. (6 Jun 1983)

(290) KUALA LUMPUR, Ahad – Kira-kira 70 bas ditempah oleh syarikat-syarikat bas ekspres yang berpangkalan di Kuala Lumpur untuk perkhidmatan tambahan ke seluruh negara menjelang Hari Raya tetapi harga tiket yang ditentukan oleh sebahagian syarikat-syarikat kecil keterlaluan. (4 Julai 1983)

(291) TANJUNG MALIM, Ahad – Orang-orang Melayu yang telah berjaya di bidang pelajaran perlu menyedari bahawa mutu pelajaran di kalangan anak -anak bangsa mereka masih lagi mundur jika dibandingkan dengan kaum -kaum lain. (1 Ogos 1983)

(292) KUALA LUMPUR, Ahad – Syarikat-syarikat swasta diingatkan supaya jangan melantik eksekutif Bumiputera sekadar memenuhi kuota Dasar Ekonomi Baru (DEB) sahaja sebaliknya, Perdana Menteri mahu mereka diberi tugas yang setimpal dengan jawatan dan gaji yang ditawarkan. (5 September 1983)

(293) KUALA LUMPUR, Ahad – Jawatankuasa Anti-Dadah Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Datuk Musa Hitam sedang mengkaji kemungkinan untuk menggubal undang-undang baru yang membolehkan pengedar dadah ditahan selama dua tahun tanpa bicara. (17 Oktober 1983)

(294) SUNGAI SIPUT, Ahad – Pergerakan Pemuda Umno Malaysia mendesak kerajaan supaya segera mengeluarkan kertas putih berhubung dengan isu Bumiputera Malaysia Finance (BMF) yang terbabit dengan skandal pinjaman beribu-ribu juta ringgit. (14 November 1983)

(295) KUALA LUMPUR, Ahad – Koperasi Usaha Bersatu Berhad (Koop Bersatu) akan menawarkan 1,000 unit saham Idris Hydraulic Malaysia Berhad (IHMB) bernilai 50 sen satu unit kepada setiap ahlinya bulan depan. (12 Disember 1983)

(296) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Musa Hitam hari ini menyeru sesiapa yang mempunyai bukti dan pandangan mengenai pengendalian Bumiputra Malaysia Finance (BMF) supaya mengemukakannya kepada jawatankuasa penyiasat perkara itu dan tidak menerusi akhbar atau surat layang. (23 Januari 1984)

(297) KUALA LUMPUR, Ahad – Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) akan membelanjakan $200 juta untuk membantu mewujudkan 400 projek industri Bumiputera dalam bidang pembuatan tahun ini. (13 Februari 1984)

(298) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan telah membina tembok konkrit sepanjang 4.8 kilometer di bahagian barat dan timur sempadan Malaysia-Thai bagi mengetatkan lagi kawasan mencegah penyeludup dan anasir subversif (12 Mac 1984)

(299) KUALA SELANGOR, Ahad - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat, khususnya di luar bandar supaya memberi tumpuan kepada industri kraftangan yang menjadi asas perkembangan industri sesebuah negara. (23 April 1984)

(300) KUALA LUMPUR, Ahad - Dua perhimpunan MCA yang berasingan di sini hari ini berlangsung dalam suasana aman tetapi ternyata tidak menghasilkan sesuatu yang memungkinkan penyelesaian serta merta kepada krisis dalam parti itu. (7 Mei 1984)

(301) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan akan mengharamkan sepenuhnya eksport kayu balak dari Semenanjung Malaysia mulai 1 Januari tahun depan bagi mengatasi masalah kekurangan pengeluaran kayu digergaji. (11 Jun 1984)

(302) KUALA LUMPUR, Ahad - Pelbagai lapisan masyarakat termasuk ahli-ahli politik perniagaan dan badan-badan sukarela terus menyambut baik susunan kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam. (16 Julai 1984)

(303) KUALA LUMPUR, Ahad – Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin hari ini menafikan dakwaan adanya percubaan untuk 'menyembunyikan' keadaan sebenar dalam Bumiputra Malaysia Finance (BMF) dan Bank Bumiputra selepas kejatuhan empayar Carrian di Hong Kong. (27 Ogos 1984)

(304) KUALA LUMPUR, Ahad – Kajian yang dijalankan di negara ini mendapati ada sebilangan doktor dan ahli-ahli farmasi yang masih tidak kenal jenis-jenis ubat dan sukatan yang betul mengenai penggunaannya. (10 September 1984)

(305) SUBANG, Ahad - Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chong mensifatkan sebagai tidak munasabah bagi negara-negara maju yang mempunyai kelebihan di bidang pengurusan, sains dan teknologi takut bersaing dengan Mas yang baru sahaja berusia 12 tahun. (15 Oktober 1984)

(306) KANGAR, Ahad – Kementerian Dalam Negeri mengesan percubaan menyebarkan fahaman komunis di negara ini dalam bentuk kartun dan komik, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Radzi Sheikh Ahmad. (5 November 1984)

(307) IPOH, Ahad – Enam orang termasuk empat beranak dikhuatiri mati lemas apabila sebuah bot penambang yang membawa kira-kira 12 penumpang karam di Sungai Perak awal pagi ini. (24 Disember 1984)

(308) ALOR STAR, Ahad – Larangan ke atas ceramah oleh parti-parti politik yang terbabit dalam pilihanraya kecil kawasan Parlimen Padang Terap akan dikuatkuasakan mulai esok di rancangan tanah Felda Lubuk Merbau, kira-kira 64 kilometer dari sini. (14 Januari 1985)

(309) KUALA LUMPUR, Ahad. SEBARANG langkah Amerika untuk mendorong Jepun membuka pasarannya tidak akan sekali-kali menjejaskan perdagangannya dengan Asean atau negara-negara lain, kata seorang pegawai kanan Amerika (11 Februari 1985)

(310) BACHOK, Ahad – Lebih 12,000 penanaman tembakau di sebelas kawasan di jajahan ini mengalami kerugian lebih $60 juta apabila tananam tembakau di kawasan seluas 14,400 hektar musnah ditenggelami air hujan sejak tiga hari lalu. (11 Mac 1985)

(311) KUALA LUMPUR, Ahad – Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi mensifatkan perbuatan Pas menurunkan gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam dalam Muktamar Agung Dewan Muslimat parti itu semalam, sebagai tindakan melampau dan di luar pertimbangan. (15 April 1985)

(312) SEREMBAN, Ahad – Jawatankuasa Penyiasat Bumiputra Malaysia Finance (BMF) berjaya mengesan beberapa orang lagi yang disyaki terbabit dalam skandal pinjaman berjumlah $2.5 ribu juta kepada Kumpulan Carrian di Hong Kong. (27 Mei 1985)

(313) MUAR, Ahad – Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bercadang meminda Akta Perihal Dagangan berhubung penggunaan tanda jualan murah yang mengelirukan, tawaran istimewa, tanda halal dan pelbagai cara untuk menarik pengguna-pengguna dalam usaha mengemaskinikan akta itu. (3 Jun 1985)

(314) KUALA LUMPUR, Ahad. SURUHANJAYA Pilihanraya bersedia mengkaji kemungkinan menerima pencalonan secara automatik bagi calon-calon yang akan bertanding dalam pilihanraya. (8 Julai 1985)

(315) KUALA LUMPUR, Ahad – Empat perkara asas untuk mengatasi krisis MCA dipersetujui dalam pertemuan sulit antara Datuk Mak Hon Kam dan Tan Koon Swan malam tadi. (19 Ogos 1985)

(316) KUALA LUMPUR, Ahad – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata setiap projek pembangunan Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan dirancang dengan teliti dan teratur. (16 September 1985)

(317) KUALA LUMPUR, Ahad – Cadangan kerajaan membentangkan belanjawan yang mengutamakan jimat cermat bagi tahun 1986 mendapat sokongan pelbagai pihak. (21 Oktober 1985)

(318) KEPALA BATAS, Ahad – Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang meminta semua anggota Exco kerajaan negeri yang mewakili Umno mematuhi tiga arahannya mengenai ' Pesta Warisan Kebudayaan Pulau Pinang' yang akan diadakan sepanjang tahun depan. (18 November 1985)

(319) JOHOR BAHRU, Ahad – Badan Pencegah Rasuah (BPR) negeri telah menerima tiga nama yang dikatakan terbabit dalam rasuah hingga menyebabkan persembahan pasukan bola sepak negara dalam kejohanan Piala Berlion di Singapura baru-baru ini begitu buruk. (2 Disember 1985)

(320) ALOR STAR, Ahad – PAS memberi jaminan tidak akan menjadikan tragedi berdarah Kampung Memali sebagai isu dalam ceramah dan kempen politiknya di masa depan. (6 Januari 1986)

(321) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan mengambil kira semua perkara, termasuk kepentingan rakyat berpendapatan rendah, sebelum melaksanakan sesuatu projek besar, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. (10 Mac 1986)

(322) KUALA LUMPUR, Ahad – Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan, tidak ada tempat untuk pemimpin- pemimpin yang suka mengugut parti apabila kepentingan dan kemahuan mereka tidak dipenuhi. (28 April 1986)

(323) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan dijangka meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 bagi melonggarkan beberapa bahagian akta itu yang dianggap terlalu mengongkong kebebasan pelajar dan ahli akademik. (19 Mei 1986)

(324) KUALA LUMPUR, Ahad – Menteri Pelajaran Encik Anwar Ibrahim hari ini berkata kerajaan akan tetap tegas dan tidak bertolak ansur dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan. (2 Jun 1986)

(325) KUALA LUMPUR, Ahad – Senarai muktamad calon-calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding dalam pilihanraya umum 2 dan 3 Ogos ini akan diputuskan Selasa ini. (21 Julai 1986)

(326) KUALA LUMPUR, Ahad – Pegawai-pegawai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memeriksa bangunan-bangunan lama kerajaan dan mencadangkan langkah–langkah keselamatan untuk tindakan Jabatan Kerja Raya (JKR). (18 Ogos 1986)

(327) KUALA LUMPUR, Ahad. PADANG Kelab Selangor yang menyaksikan penurunan bendera Union Jack dan pengibaran pertama kalinya bendera Malaysia pada 31 Ogos 1957 sekali lagi dibanjiri orang ramai yang datang dari jauh dan dekat untuk bersama-sama memeriahkan perayaan Hari Kebangsaan hari ini. (1 September 1986)

(328) SHAH ALAM, Ahad – Perhimpunan agung MIC ke-34 yang berakhir petang ini meluluskan sebulat suara usul menyokong perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan matlamatnya untuk mewujudkan perpaduan serta pembangunan negara secara lebih berkesan. (13 Oktober 1986)

(329) KUALA LUMPUR, Ahad. SEBANYAK 476 klinik swasta di negara ini tidak menyimpan rekod perubatan dengan sempurna, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Abdul Khalid Sahan. (24 November 1986)

(330) KUALA LUMPUR, Ahad. BANJIR di Pantai Timur semakin buruk dan Kerajaan Negeri Terengganu sudah mencadangkan kepada Majlis Keselamatan Negara supaya mengisytiharkan keadaan darurat di negeri itu (1 Disember 1986)

(331) KUALA LUMPUR, Ahad. INSTITUT Teknologi Mara (ITM) menjalankan pemeriksaan air kencing terhadap semua pelajar lelaki baru bagi sesi Januari di kampus induk Shah Alam. (5 Januari 1987)

(332) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi "orang tengah" dalam usaha mewujudkan perhubungan lebih baik antara India dan Pakistan dalam lawatannya ke India yang berakhir hari ini. (2 Februari 1987)

(333) KUALA LUMPUR, Ahad. DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pihak pengurusan syarikat-syarikat milik orang Melayu supaya memperkemaskan pengurusannya bagi mengelakkan sebarang tindakan mahkamah. (9 Mac 1987)

(334) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa setiap anggota Kabinet tertakluk kepada sumpah yang dilafazkan sebelum menjawat jawatan. (27 April 1987)

(335) MELAKA, Ahad. USAHA menarik pelabur asing menanam modal di negara ini akan dipergiatkan lagi dengan menggunakan pendekatan baru, kata Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba. (4 Mei 1987)

(336) PETALING JAYA, Ahad. KABINET tidak akan tunduk kepada sebarang ugutan politik atau kata dua daripada mana-mana pihak dalam usahanya menyelamatkan beberapa Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) yang menghadapi krisis kerana penyelewengan. (1 Jun 1987)

(337) KUALA LUMPUR, Ahad. PENDUDUK Kampung Batu dan sekitarnya tidak akan dikenakan bayaran tol apabila plaza tol Jalan Ipoh siap, kata Menteri Kerja Raya, Datuk S. Samy Vellu. (20 Julai 1987)

(338) SUBANG, Isnin – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan lawatannya ke Russia bukan sahaja penting bagi Malaysia, tetapi juga untuk rantau Asean. (11 Ogos 1987)

(339) KUALA LUMPUR, Ahad – Pas mengenal pasti sekumpulan ahlinya yang sedang berusaha menghancurkan parti itu, kata yang dipertuanya, Haji Yusof Rawa. (7 September 1987)

(340) KUALA LUMPUR, Ahad – MCA akan meminta Timbalan Menteri Pendidikan, Encik Woon See Chin, meletakkan jawatan jika gagal menyelesaikan tuntutan parti itu supaya guru-guru Cina yang mahir bahasa Mandarin sahaja dilantik guru besar dan guru penolong kanan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC). (12 Oktober 1987)

(341) TEMERLOH, Ahad – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) diberi kontrak tiga tahun lagi untuk memproses dan membekalkan baja padi bernilai $100 juta setahun kepada kerajaan, mulai tahun depan. (2 November 1987)

(342) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan Negeri dan Pusat masih menanggung hutang lebih $80 juta daripada pembayar cukai tanah, sehingga akhir bulan lalu. (7 Disember 1987)

(343) KUALA LUMPUR, Ahad. KEMENTERIAN Pendidikan tidak akan bertolak ansur dengan kepentingan bahasa sukuan dan daerah demi untuk meningkatkan penggunaan bahasa Malaysia di negara ini. (4 Januari 1988)

(344) GEORGETOWN, Ahad – Jabatan Perikanan hari ini mengesahkan empat anggota unit penguatkuasanya cedera diserang oleh empat nelayan bot pukat tunda di perairan Pulau Katak, Lumut, semalam. (1 Februari 1988)

(345) KUALA LUMPUR, Ahad – Kemajuan yang pesat bagi negara ini ialah impian semua rakyat, tetapi ia hanya boleh dinikmati dengan semangat toleransi yang jujur serta kesungguhan usaha yang padu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. (21 Mac 1988)

(346) KANGAR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyangkal dakwaan golongan tertentu kononnya program Setia Bersama Rakyat (Semarak) diadakan untuk mendewa-dewakan pemimpin sehingga menjejaskan akidah orang Melayu. (11 April 1988)

(347) KUALA LUMPUR, Ahad. PEMEGANG biasiswa kerajaan tidak perlu membayar balik biasiswa yang diterima sekiranya mereka ingin berkhidmat dengan badan berkanun. (2 Mei 1988)

(348) SUNGAI BESAR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan yang bersubahat dengan rakyat dan pertubuhan negara asing untuk "campur tangan" dalam urusan pentadbiran Malaysia. (6 Jun 1988)

(349) KUALA LUMPUR, Ahad – Persatuan Peguam Muslim Malaysia berpendapat usul Majlis Peguam Malaysia supaya Pemangku Ketua Hakim Negara, Tan Sri Hamid Omar disingkirkan bukan sahaja satu penghinaan kepada beliau tetapi juga sistem kehakiman negara ini. (11 Julai 1988)

(350) MUAR, Ahad – Lima warganegara Singapura terbunuh apabila kereta yang mereka naiki berlanggar dengan sebuah bas persiaran di Kilometer 24 Jalan Muar-Air Hitam di sini malam tadi. (26 September 1988)

(351) KUALA LUMPUR, Ahad – Yang di-Pertuan Agong hari ini menitahkan umat Islam supaya memelihara perpaduan ummah dan menolak kegiatan golongan tertentu yang cuba membawa kepada perselisihan dan perpecahan. (24 Oktober 1988)

(352) KUANTAN, Ahad – Rakyat negara ini terus menikmati perkhidmatan telekomunikasi yang termurah di dunia walaupun Jabatan Telekom diswastakan kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. (14 November 1988)

(353) KOTA BAHRU, Ahad – Majlis Mesyuarat Negeri (Exco) Negeri Kelantan hari ini membuat 16 pindaan kepada senarai nama pertukaran pegawai-pegawai tadbir negeri (PTN) Kelantan yang berkuatkuasa 16 Disember ini. (12 Disember 1988)

(354) KUALA LUMPUR, Ahad. PEMIMPIN parti komponan Barisan Nasional (BN) menyifatkan kemenangannya mempertahankan kerusi Parlimen Ampang Jaya sebagai bukti rakyat menolak politik perkauman. (20 Januari 1989)

(355) KUAL LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dibenarkan pulang dari Hospital Besar Kuala Lumpur hari ini selepas 18 hari menjalani rawatan dan pembedahan pintasan koronari. (6 Februari 1989)

(356) KUALA LUMPUR, Ahad – Empat pusat pengajian tinggi, termasuk Institut Teknologi Mara (ITM), bersetuju menawarkan tempat kepada pemegang Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) untuk mengikuti kursus peringkat diploma, mulai tahun ini. (13 Mac 1989)

(357) KUALA LUMPUR, Ahad – Beberapa ikhtiar sedang dibuat bagi menyelesaikan isu pemecatan kakitangan Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB) termasuk kemungkinan memanggil mesyuarat tergempar Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC). (17 April 1989)

(358) JOHOR BAHRU, Ahad – Sultan Johor menitahkan hak perlindungan kanak-kanak rebutan, Jassica Zurich, 4, diberikan kepada ibu kandungnya, Sapiah Elam, 32, mulai hari ini. (22 Mei 1989)

(359) TELUK INTAN, Ahad – Kementerian Dalam Negeri akan mengawasi tindakan pertubuhan dan orang perseorangan di negara ini yang turut memberi sokongan moral kepada demonstrasi prodemokrasi di China. (12 Jun 1989)

(360) KUALA LUMPUR, Ahad – Majlis Perubatan Am (GMC) United Kingdom menarik balik pengiktirafan penuh bagi ijazah perubatan Universiti Malaya (UM) mulai 1 Januari depan. (3 Julai 1989)

(361) BANDAR BARU SERTING, Ahad – Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, menyifatkan kempen menyekat syarikat Jepun daripada membeli balak Sabah dan Sarawak, adalah tindakan tidak jujur. (11 September 1989)

(362) JOHOR BAHRU, Ahad – Lima banduan rakyat Indonesia yang sedang menjalani hukuman di Penjara Simpang Renggam, dekat sini, melarikan diri, dipercayai selepas menonton televisyen di penjara itu, pada kira-kira jam 8.45 malam tadi. (30 Oktober 1989)

(363) GEORGETOWN, Ahad – Kementerian Pendidikan menukar serta-merta beberapa kakitangan yang cuai hingga berlaku kebocoran kertas Bahasa Malaysia II Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru–baru ini. (27 November 1989)

(364) SHAH ALAM, Ahad – Kerajaan sentiasa bersikap adil kepada semua rakyat, tetapi prinsip dan ketegasan maruah bangsa serta agama Islam tidak boleh diketepikan semata-mata atas desakan kaum lain, kata Naib Presiden Umno Encik Anwar Ibrahim. (18 Disember 1989)

(365) KUALA LUMPUR, Ahad – Ribuan rakyat pelbagai lapisan masyarakat membanjiri Dataran Merdeka malam ini untuk menyaksikan pelancaran Tahun Melawat Malaysia (TMM), yang menjanjikan kemeriahan dan kemakmuran dalam upacara penuh gilang gemilang. (1 Januari 1990)

(366) MELAKA, Ahad – Satu gerakan besar–besaran menghapuskan tempat- tempat khurafat di Pulau Besar, Mukim Pernu, dilancarkan hari ini, bagi menyekat pelbagai kegiatan berkenaan yang berleluasa di situ. (19 Februari 1990)

(367) KUALA LUMPUR, Ahad – Puan Norshidah Saad kini terpaksa "berkejar sekitar ibu kota" untuk mencari 52 botol ubat antibiotik bagi merawat suaminya – anggota Unit Simpanan Persekutuan (FRU) – yang tenat di Hospital Besar Kuala Lumpur (HBKL) selepas terbabit dalam kemalangan di Lebuh Raya Karak–Kuala Lumpur pada 28 Februari lalu. (12 Mac 1990)

(368) LUMUT, Ahad – Empat orang, tiga daripadanya bersaudara, mati lemas apabila kereta yang mereka naiki terbabas dan terhumban ke dalam Sungai Dinding dekat Titi Panjang di sini awal pagi ini. (9 April 1990)

(369) KOTA BHARU, Ahad – Empat lelaki, tiga daripadanya bersenjatakan pistol, merompak 53 jongkong emas dan wang tunai, semuanya berjumlah $3.4 juta, daripada empat peniaga emas di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pangkalan Chepa, malam tadi. (18 Jun 1990)

(370) SEPANG, Ahad – Manifesto Barisan Nasional (BN), bagi pilihanraya umum akan datang menekankan kepada usaha mengekalkan kestabilan negara dan mengurangkan permainan politik bagi menjamin pembangunan yang berterusan untuk rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. (2 Julai 1990)

(371) KLANG, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan 27 penduduk Cina yang menyertai DAP baru–baru ini sebagai perbuatan golongan yang tidak sanggup menerima konsep demokrasi yang mengambil kira pandangan orang ramai. (27 Ogos 1990)

(372) KUALA LUMPUR, Ahad – Salinan pita rakaman yang mendedahkan rancangan presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, hendak membunuh Pas dan DAP jika golongan pembangkang memerintah negara ini, akan disebarkan kepada umum. (24 September 1990)

(373) KUALA LUMPUR, Ahad – Seperti diduga, Ahli Parlimen Tanjung, Encik Lim Kit Siang, hari ini menarik balik perletakan jawatannya sebagai Setiausaha Agung DAP yang diumumkan Rabu lalu. (29 Oktober 1990)

(374) KUALA LUMPUR, Ahad – Semua calon jawatan Majlis Tertinggi Umno dalam pemilihan parti hujung bulan ini dinasihatkan supaya jangan mengadakan kempen kotor yang membabitkan penggunaan wang dan jentera kerajaan serta mengadakan pakatan, bagi mengelakkan berulangnya tragedi 1987. (12 November 1990)

(375) KUALA LUMPUR, Ahad – Belanjawan Negara 1991 yang akan dibentangkan di Parlimen Jumaat ini adalah 'ganjaran istimewa' untuk rakyat kerana terus memilih kerajaan Barisan Nasional memerintah negara ini, kata Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin. (10 Disember 1990)

(376) KOTA KINABALU, Ahad – Polis menawan segerombolan 12 lanun danmembebaskan 13 anak kapal sebuah kapal dagang Filipina yang dirampas oleh lanun itu, kira-kira 10 batu nautika dari perairan Kota Kinabalu petang semalam. (7 Januari 1991)

(377) KUALA LUMPUR, Ahad – Rombakan kecil Kabinet Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang diumumkan semalam disifatkan sebagai mengambil kira hasrat majoriti rakyat, khususnya ahli Umno. (11 Februari 1991)

(378) SEREMBAN, Ahad – Jabatan Pendidikan Negeri mengarahkan semua guru di negeri ini memansuhkan penggunaan buku latihan kerja sebagai langkah meringankan beban murid yang terpaksa membawa buku latihan seberat di antara lima hingga tujuh kilogram. (4 Mac 1991)

(379) JOHOR BAHRU, Ahad – Kerajaan Singapura akan mengambil alih tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) di republik itu, iaitu di kawasan Stesen KTM di Tanjung Pagar, Keppel Road serta kawasan rezab KTM sepanjang 21 kilometer dari stesen berkenaan sehingga ke stesen kecil di Bukit Timah. (22 April 1991)

(380) KUALA LUMPUR, Ahad – Tiga daripada lima ahli lembaga pengarah Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB), termasuk Pengerusinya, Datuk Haji Harun Idris, tewas di mesyuarat agung tahunan ke–11 koperasi itu yang diadakan di sini, hari ini. (6 Mei 1991)

(381) IPOH, Ahad – Empat belas pihak berkuasa bekalan air negeri di seluruh negara menanggung kerugian sekurang-kurangnya $44.3 juta setahun kerana menggunakan meter air lama. (24 Jun 1991)

(382) IPOH, Ahad – Kerajaan negeri Perak dipercayai mengalami kerugian sekurang-kurangnya $1 bilion sejak 1973 berikutan kegiatan sindiket yang cuba mengaut keuntungan melalui urusniaga jual-beli lot industri di negara ini. (1 Julai 1991)

(383) IPOH, Ahad – Kerajaan sedang menyemak semula tangga gaji baru pensyarah universiti tempatan bagi mengelak pengaliran keluar tenaga pengajar berpengalaman ke sektor swasta. (26 Ogos 1991)

(384) KOTA KINABALU, Ahad – Satu kepala manusia, badan tanpa kepala, tangan wanita dan cebisan perut serta tujuh dokumen peribadi milik anak kapal dan penumpang jet eksekutif Grumman Gulfstream 2, ditemui di puncak Tinutudan, banjaran Croker, oleh pasukan penyelamat hari ini. (9 September 1991)

(385) KUALA LUMPUR, Ahad – Sistem Saraan Baru (SSB) dan struktur perkhidmatan awam negara yang diumumkan oleh kerajaan semalam akan menjadi contoh sistem gaji dan pentadbiran awam terbaik di rantau ini. (4 Oktober 1991)

(386) PARIT RAJA, Ahad – Umno akan mempersembahkan kepada Yang di– Pertuan Agong Sultan Azlan Shah resolusi mengenai teguran ahlinya terhadap campur tangan istana dalam pentadbiran negeri yang dibahaskan dalam Perhimpunan Agung Umno baru–baru ini. (18 November 1991)

(387) SUBANG, Ahad – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan kenaikan gaji menteri adalah wajar dan tidak harus diperbesar–besarkan oleh semua pihak, khususnya pembangkang. (30 Disember 1991)

(388) JOHOR BAHRU, Ahad – Sebuah pesawat SIAI Marchetti 211 Trainer milik Tentera Udara Singapura (SAF) terhempas di perairan Selat Johor, kira-kira satu kilometer dari pantai Tanjung Adang, 40 kilometer dari sini, petang semalam. (3 Februari 1992)

(389) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan menyerahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk menyelesaikan isu kereta mewah Sultan Kelantan, kata Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba. (30 Mac 1992)

(390) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kegagalan Mesyuarat Jawatankuasa Persiapan (PrepCom) bagi Sidang Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar (Unced) di New York yang berakhir kelmarin, adalah bukti negara maju tidak ikhlas menyelesaikan masalah alam sekitar. (6 April 1992)

(391) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan Singapura pada dasarnya bersetuju mengkaji semula laluan penerbangan latihan pesawat Tentera Udara Singapura (SAF) di ruang udara Johor, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak. (4 Mei 1992)

(392) SEMENYIH, Ahad – Kerajaan mengarahkan semua kerajaan negeri, penguasa tempatan dan polis supaya jangan mengeluarkan permit bagi sebarang konsert kecuali artis lelaki terbabit mematuhi peraturan berambut pendek. (8 Jun 1992)

(393) GENTING HIGHLANDS, Ahad – Kementerian Dalam Negeri mengesyaki wujudnya sindiket memalsukan kad pengenalan merah yang lusuh, untuk dijual kepada kira–kira 100,000 pendatang asing yang tidak berdaftar ketika gerakan pendaftaran pekerja asing yang berakhir 30 Jun lalu. (6 Julai 1992)

(394) KUALA LUMPUR, Ahad. Pasukan Siasatan Khas yang ditugaskan menyiasat video lucah yang membabitkan bekas Timbalan Speaker Dewan Rakyat, D. P. Vijandran, sedang mengesan beberapa wanita yang dikatakan turut terbabit berlakon dalam video itu.
(3 Ogos 1992)

(395) JOHOR BAHRU, Ahad – Jawatankuasa agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM) hari ini memutuskan Syed Amin Al–Jeffri masih menjadi setiausaha agung dewan itu dan berhak meneruskan tugasnya.
(19 Oktober 1992)

(396) KUALA LUMPUR, Ahad – Keyakinan kukuh pelabur terhadap Belanjawan 1993 terbukti dengan jumlah urusniaga Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang mencatatkan 230 juta unit saham bernilai $600 juta pada hari pembentangan Belanjawan Jumaat lalu, rekod tertinggi pernah dicatat setakat ini. (2 November 1992)

(397) KUALA LUMPUR, Ahad – Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Zaman Khan mengesahkan jurulatih pasukan hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB) Douglas Gomez membuat aduan polis di Johor Bahru, hari ini berikutan dakwaan kecederaan yang dialaminya setelah dipanggil ke istana Bukit Serene, Johor Bahru, Isnin lalu.
(7 Disember 1992)

(398) JOHOR BAHRU, Ahad – Sultan Johor hari ini mengumumkan 'perhimpunan bersama rakyat' yang dijadualkan di Istana Besar di sini Jumaat ini ditangguhkan.
(4 Januari 1993)

(399) PARIT SULONG, Ahad – Hukuman ke atas raja–raja yang didapati bersalah di Mahkamah Khas, adalah sama beratnya dengan hukuman ke atas rakyat biasa yang diadili di mahkamah awam. (15 Februari 1993)

(400) KUALA LUMPUR, Ahad – Sebanyak 25,990 tempat ditawarkan oleh lapan universiti tempatan termasuk Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yang baru ditubuhkan bagi pengambilan sesi 1993/1994 Julai ini. (22 Mac 1993)

(401) KEPALA BATAS, Ahad – Semua agen yang dipertanggungjawabkan membawa masuk buruh asing ke negara ini diarah menghentikan kegiatan itu mulai hari ini, bagi mengawal kemasukan mereka. (12 April 1993)

(402) KUCHING, Ahad – Guru perlu memikirkan cara yang lebih inovatif, kreatif dan imaginatif dalam tugas harian mereka bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang bermutu tinggi. (17 Mei 1993)

(403) SABAK BERNAM, Ahad – Kerajaan menaikkan had maksimum pinjaman Tabung Usahawan Baru (TUB) daripada RM1 juta kepada RM2 juta, kata Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim. (21 Jun 1993)

(404) LANGKAWI, Ahad – Indonesia yang menyokong penuh penubuhan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), mahu ia dilaksanakan dengan cara berkesan seperti diharapkan oleh Malaysia. (19 Julai 1993)

(405) KUALA LUMPUR, Ahad – Malaysia dan Indonesia sedang mencari satu mekanisme untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang tanpa izin dari Indonesia kerana ia bukan sahaja menimbulkan masalah keselamatan, bahkan turut menjejaskan ekonomi kedua-dua negara. (2 Ogos 1993)

(406) KUALA LUMPUR, Ahad – Tuduh menuduh di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan persatuan penduduk 1,400 pangsapuri DBKL menyebabkan isu kaki lima pangsapuri terbabit bergelap, berpanjangan dan gagal diselesaikan. (6 September 1993)

(407) LANGKAWI, Ahad – Kuasa Barat terutama Amerika Syarikat, tidak lagi berhak untuk mengkritik Malaysia apabila negara itu sendiri tidak sanggup bertindak atas dasar hak asasi manusia di Bosnia-Herzegovina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. (11 Oktober 1993)

(408) KUALA LUMPUR, Ahad – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan memperkenalkan insentif bagi menarik lebih banyak guru menyertai kelas tadika di seluruh negara. (18 November 1993)

(409) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan mengkaji semula pembinaan bangunan tinggi di lereng bukit bagi mengelak kejadian bangunan runtuh seperti pangsapuri Highland Towers di Taman Hillview, Hulu Klang semalam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. (13 Disember 1993)

(410) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan akan menjadikan 45 kem tentera di seluruh negara sebagai pusat untuk melatih belia melalui program bina semangat bercorak ketenteraan. (10 Januari 1994)

(411) KOTA KINABALU, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, niat baik Kerajaan Pusat untuk membangunkan Sabah sering terbantut kerana diputarbelitkan oleh kerajaan negeri pimpinan Parti Bersatu Sabah (PBS). (7 Februari 1994)

(412) KOTA KINABALU, Ahad – Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, hari ini mengumumkan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah setelah mendakwa mendapat persetujuan Yang Dipertua Negeri, Tun Mohamad Said Keruak. (14 Mac 1994)

(413) KOTA KINABALU, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kedudukan kewangan negara tetap kukuh dan tidak terjejas walaupun Bank Negara kerugian RM5.7 bilion dalam pasaran hadapan mata wang asing tahun lalu. (4 April 1994)

(414) KUALA LUMPUR, Ahad – Seratus lapan puluh empat pemaju perumahan di seluruh negara dikenal pasti gagal membuka Akaun Pemaju Perumahan (APP) sejak arahan mengenainya dikuatkuasakan tiga tahun lalu. (9 Mei 1994)

(415) KUALA LUMPUR, Ahad – Perhimpunan Agung Khas Umno petang ini sebulat suara meluluskan pindaan perlembagaan parti itu, yang antara lain memperuntukkan lima bentuk tindakan terhadap ahli yang mengingkarinya atau melanggar Tataetika Ahli Umno. (20 Jun 1994)

(416) TANJUNG MALIM, Ahad – Kerajaan tidak merancang untuk membubarkan tanah rancangan seperti Felda dan Felcra walaupun sesetengah kawasan itu berpotensi dimajukan sebagai kawasan perindustrian dan komersil. (25 Julai 1994)

(417) KUALA LUMPUR, Ahad – Kementerian Kesihatan akan mewajibkan pengamal perubatan tradisional termasuk termasuk singse dan bomoh mendaftar dengannya kerana kes penipuan perkhidmatan mereka meningkat. (18 Ogos 1994)

(418) KUALA LUMPUR, Ahad – Polis menahan isteri Asaari Mohamad dan empat pengikut al-Arqam mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Kuala Lumpur di Subang, setibanya mereka dari Thailand malam tadi. (5 September 1994)

(419) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Belanjawan Negara tahun hadapan sekali lagi akan memberi tumpuan kepada usaha mengawal inflasi ke paras minimum dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat. (17 Oktober 1994)

(420) KUALA LUMPUR, Ahad – Satu kajian Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar mendapati minat pelajar Bumiputera aliran sains terhadap bidang sains dan teknologi (S & T) amat kurang berbanding kaum lain (7 November 1994)

(421) KUALA LUMPUR, Ahad – Sijil Perjalanan Laksana Paspot (SPLP) bentuk buku yang dikeluarkan oleh Kedutaan Indonesia kepada lebih 200,000 pekerjanya di sini sejak awal bulan lalu, belum diiktiraf oleh pihak berkuasa. (5 Disember 1994)

(422) KOTA BHARU, Ahad – Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) hari ini memfailkan saman di Mahkamah Tinggi di sini terhadap Kerajaan Kelantan kerana membantah tindakannya mengambil alih tanah seluas lebih 4,000 hektar milik agensi itu. (16 Januari 1995)

(423) IPOH, Ahad – Beratus-ratus pembeli rumah kos rendah terutamanya bagi rumah yang dibina sejak 1960-an, akan mendapat geran hak milik tidak lama lagi kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dr Ting Chew Peh. (13 Februari 1995)

(424) KUALA LUMPUR, Selasa. Seramai 40,508 pelajar atau 20.5 peratus daripada 252,823 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu, termasuk dari sekolah swasta dan calon persendirian mendapat pangkat satu. (8 Mac 1995)

(425) JELI, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat Kelantan menolak Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang diterajui Pas pada pilihan raya umum Selasa ini tanpa berasa sangsi terhadap implikasinya. (24 April 1995)

(426) PERMATANG PAUH, Ahad – Kabinet akan meneliti semula keputusan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menaikkan tarif elektrik sebanyak 0.8 peratus seunit berkuatkuasa bulan ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim. (8 Mei 1995)

(427) KUCHING, Ahad – Kerajaan memberi jaminan akan merancang pertumbuhan ekonomi negara dengan teliti bagi mengelakkannya menjadi terlalu pesat terutama dalam jangka masa singkat kerana ia boleh menyebabkannya 'meledak'dan lumpuh. (12 Jun 1995)

(428) LANGKAWI, Ahad – Negara yang mempunyai kuasa pembatal (veto) bertanggungjawab terhadap kezaliman Bosnia–Herzegovina, selain pegawai kanan Pertubuhan Bangsa–Bangsa Bersatu (PBB). (24 Julai 1995)

(429) KUALA LUMPUR, Ahad – Kakitangan Universiti Malaya (UM) diberi pilihan sama ada kekal dalam Sistem Saraan Baru (SSB) atau skim gaji baru tersendiri yang jauh lebih menarik apabila dikorporatkan awal tahun depan. (21 Ogos 1995)

(430) KUCHING, Ahad – Malaysia berharap mesyuarat Kumpulan Penghubung Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) di Kuala Lumpur bermula esok memikirkan cara untuk berhubung antara satu sama lain dan membuat penyelarasan dalam menangani masalah Bosnia. (11 September 1995)

(431) KUALA LUMPUR, Ahad – Kementerian Pendidikan menggariskan lima aspek garis panduan untuk meningkatkan fungsi pendidikan swasta, sejajar dengan aspirasi menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau. (2 Oktober 1995)

(432) KUALA LUMPUR, Ahad – Perjuangan Umno mempertahankan maruah bangsa dan agama sejak 1946 akan diteruskan bagi memastikan orang Melayu mendapat pengiktirafan dunia dalam semua bidang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. (27 November 1995)

(433) SHAH ALAM, Ahad – Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) yang bermula awal tahun depan, akan menumpukan usaha menggalakkan pengusaha tempatan mengeluarkan banyak barangan berasaskan eksport. (18 Disember 1995)

(434) LANGKAWI, Ahad – Malaysia tetap bertegas menghantar semua pendatang haram Vietnam pulang ke negara asal mereka. (22 Januari 1996)

(435) ALOR STAR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan semua pihak perlu akur bahawa perkhidmatan yang disediakan oleh Indah Water Konsortium (IWK) perlu dibayar. (6 Februari 1996)

(436) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas Amerika Syarikat (AS) kerana menuduh Malaysia mencabul hak asasi manusia dan menegaskan Washington sepatutnya mengotakan kata- katanya sebelum mengadili pihak lain. (11 Mac 1996)

(437) KUALA LUMPUR, Ahad – Golongan muda perlu mempunyai prinsip perjuangan yang jelas sejak dari awal bagi mengelakkan mereka terkeluar daripada landasan yang benar dan dituntut oleh agama, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim. (8 April 1996)

(438) GEORGETOWN, Ahad – Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengingatkan ahli Umno supaya tidak membiarkan diri dipengaruhi oleh golongan adu domba politik yang cuba memecah belahkan perpaduan parti. (30 Mei 1996)

(439) LANGKAWI, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia bimbang kemenangan Parti Lisud berhaluan kanan Benjamin Netanyahu dalam pilihan raya umum Israel mungkin menghalang usaha damai di Timur Tengah. (9 Jun 1996)

(440) KUALA LUMPUR, Ahad – MCA mahu usaha sama di antara usahawan Cina dan Melayu bagi mewujudkan kedudukan 'menang–menang' dilakukan secara lebih serius serta ikhlas. (8 Julai 1996)

(441) JITRA, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal kerana Tenaga Nasional Berhad (TNB) gagal memperbaiki sistem penyaluran elektrik sehingga seluruh Semenanjung bergelap sekali lagi malam tadi selepas kejadian pertama pada 1992. (8 Ogos 1996)

(442) KAMPAR, Ahad – Kerajaan negeri akan mengumumkan punca kejadian banjir lumpur di penempatan Orang Asli Pos Dipang dekat sini, yang meragut 26 nyawa manakala 16 masih hilang, esok. (2 September 1996)

(443) KUALA LUMPUR, Ahad – Pemilik rumah yang menyewakan rumah kepada rakyat asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan permit kerja boleh didakwa sebagai melindungi pendatang tanpa izin mengikut Akta Imigresen. (21 Oktober 1996)

(444) KUALA LUMPUR, Ahad – Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) akan menawarkan ganjaran gaji lebih sesuai kepada lebih 11,000 kakitangannya terutama 7,169 posmen untuk meningkatkan tahap perkhidmatan, komitmen dan semangat bekerja mereka. (11 November 1996)

(445) PARIT BUNTAR, Ahad – Kerajaan tidak akan membuat hutang baru kerana tindakan itu membebankan rakyat yang terpaksa membayar cukai tinggi pada masa depan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim. (16 Disember 1996)

(446) KUALA LUMPUR, Ahad – Kementerian Pembangunan Usahawan akan menggubal satu rangka program pembangunan keusahawanan dan pendidikan membabitkan Bumiputera bagi membolehkan mereka mengambil bahagian secara cergas dalam industri multimedia termasuk Koridor Raya Multimedia (MSC). (27 Januari 1997)

(447) KUANTAN, Ahad – Majikan yang memberhentikan pekerja tempatan dan menggantikan mereka dengan pekerja asing akan dikenakan denda tinggi berikutan pindaan terhadap Akta Pekerjaan 1955. (3 Februari 1997)

(448) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak boleh bercadang mengenakan sebarang syarat luar biasa kepada Singapura dalam usaha memulihkan hubungan antara kedua–dua negara. (24 Mac 1997)

(449) SHAH ALAM, Ahad – Tan Sri Muhammad Muhd Taib mahu menjadikan perletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor semalam sebagai contoh kepada pemimpin politik atau pegawai kerajaan yang bermasalah, pada masa akan datang. (14 April 1997)

(450) BINTULU, Ahad – Barisan Nasional (BN) mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kemena dengan majoriti besar apabila calonnya, Datuk Celestine Ujang anak Jilan, menang dengan kelebihan 5,471 undi. (13 Mei 1997)

(451) IPOH, Ahad – Semua 114 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menjalankan kempen besar-besaran Hari Pembersihan Seluruh Negara bagi memastikan tahap kebersihan semua premis terjamin mulai hari ini. (2 Jun 1997)

(452) KUCHING, Ahad – Lebih dua juta ahli koperasi berpeluang melabur dalam satu lagi skim saham amanah, apabila Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memperkenalkan Amanah Saham Angkasa (ASA) awal tahun depan.
(14 Julai 1997)

(453) KUALA LUMPUR, Ahad – Kira-kira 6,000 atlit dari seluruh dunia mungkin bersaing di Sukan Komanwel 1998 (Sukom 98) September tahun depan dalam keadaan cuaca berjerebu jika langkah mengurangkan kesan jerebu termasuk pencemaran, tidak diambil mulai sekarang. (18 Ogos 1997)

(454) KUALA LUMPUR, Ahad – Kualiti udara di seluruh negara hari ini bertambah buruk dengan empat kawasan diklasifikasikan sebagai 'sangat tidak sihat' apabila bacaan Indeks Pencemaran Udara (API) meningkat melebihi 201. (18 September 1997)

(455) KUALAU LUMPUR, Ahad – Kabinet menolak cadangan kenaikan baru tol Lebuhraya Utara–Selatan yang disifatkan sangat tinggi dan meminta Projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus) mengkaji semula kadar itu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.
(27 Oktober 1997)

(456) KOTA BHARU, Ahad – Pas meminta seluruh ahlinya mengetepikan perbezaan fahaman politik, sebaliknya bersatu menentang ancaman luar dalam menangani tindakan sekumpulan anggota Kongres Amerika Syarikat memcampuri urusan negara ini.
(17 November 1997)

(457) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan peniaga yang menaikkan harga barangan ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi sebagai golongan yang tidak patriotik dan sama taraf dengan orang yang mensabotaj ekonomi negara. (1 Disember 1997)

(458) KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan akan mencatu pembelian gula di kalangan pengguna di seluruh negara bagi mengelak berlakunya masalah kekurangan bahan mentah itu di pasaran, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob. (5 Januari 1998)

(459) KUALAU LUMPUR, Ahad – Pelaksanaan skim kenaikan gaji menegak dan melintang bagi kakitangan kerajaan tidak akan dibekukan, walaupun pelbagai langkah penjimatan dilaksanakan kerajaan untuk menangani kegawatan ekonomi negara sekarang.
(16 Februari 1998)

(460) BATU GAJAH, Ahad – Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengemukakan langkah tambahan pemulihan ekonomi kedua, apabila membentangkan kajian semula unjuran pertumbuhan ekonomi negara di Parlimen, 23 Mac ini (16 Mac 1998)

(461) MUAR, Ahad – Pelumba haram dan samseng jalan raya akan dikenakan hukuman penjara mandatori apabila pindaan undang-undang yang sedang dilakukan sekarang dikuatkuasakan, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.
(13 April 1998)

(462) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu patriotisme, budaya an tamadun rakyat Malaysia dicerminkan melalui organisasi penganjuran dan kejayaan Sukan Komanwel XVI (Sukom 98). (4 Mei 1998)

(463) KUALA LUMPUR, Ahad – Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) akan menggunakan kaedah kritikan membina dalam memperbetulkan keadaan walaupun ada ketikanya menyentuh menteri daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain.
(29 Jun 1998)

(464) KUALA LUMPUR, Ahad – Pemilik hak cipta di negara ini akan mengambil tindakan sivil di mahkamah ke atas lanun cetak rompak bagi menampung kerugian berjuta ringgit setiap bulan ekoran kegiatan mencetak rompak cakera padat (CD) dan video cakera padat (VCD) keluaran mereka. (30 Julai 1998)

(465) KUALA LUMPUR, Ahad – Satu lagi ajaran sesat yang turut disertai profesional Melayu termasuk doktor, arkitek dan pegawai kerajaan, dikesan bergiat di negeri ini. (17 Ogos 1998)

(466) PETALING JAYA, Ahad – Negaraku berkumandang di Pusat Bowling Pyramid di sini hari ini pada hari kedua Sukan Komanwel XVI–KL'98 yang menyaksikan Malaysia cemerlang dalam acara bowling, menembak dan hoki. (14 September 1998)

(467) KUALA LUMPUR, Ahad – Pintu masuk di kawasan sempadan Semenanjung diawasi bagi memastikan tiada minyak masak dibawa keluar, manakala pihak berkuasa di Johor Bahru merampas berpuluh botol bahan itu daripada rakyat Singapura yang mahu membawanya ke republik itu, hari ini. (12 Oktober 1998)

(468) JOHOR BAHRU, Ahad – Walaupun ringgit Malaysia tidak sah diperlakukan di luar negara sejak 1 Oktober lalu, ada pihak termasuk rakyat asing cuba menyeludup keluar ringgit dalam jumlah yang besar. (9 November 1998)

(469) KUALA LUMPUR, Ahad – Kira–kira 22,000 pelajar dari 63 sekolah di Pahang dan Kelantan tidak dapat memulakan sesi pertama persekolahan 1999 mulai hari ini dan esok berikutan banjir sejak beberapa hari lalu. (4 Januari 1999)

(470) SANDAKAN, Ahad – Tujuh belas penduduk termasuk lima beranak serta 10 beradik masing–masing lima orang daripada dua keluarga, terbunuh dalam kejadian tanah runtuh yang menimbus empat rumah di lereng bukit dekat Kampung Gelam di sini, awal pagi ini. (8 Februari 1999)

(471) KUALA LUMPUR, Ahad – Malaysia mampu mengekalkan kestabilan dan kemakmuran kerana rakyat negara ini masih berdisiplin dan menghormati peraturan serta undang–undang negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. (8 Mac 1999)

(472) PETALING JAYA, Ahad – Kerajaan akan mengkaji untuk membentuk satu pelan negara bagi memulihkan sungai yang tercemar, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding. (12 April 1999)

(473) ALOR STAR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan membuat penilaian mengenai masa yang sesuai untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. (3 Mei 1999)

(474) KUALA LUMPUR, Ahad – Amanah Nasional Berhad 2 (ASN 2) berjaya menarik langganan sebanyak 5 juta unit bernilai RM5 juta dalam tempoh dua hari kaunternya dibuka untuk tawaran pada Khamis dan Jumaat lalu. (14 Jun 1999)

(475) KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, hasrat Pas hendak membawa keluar Perlis dari Malaysia jika memenangi pilihan raya adalah isu serius dan berhubung kait dengan sikap menderhaka terhadap negara. (12 Julai 1999)

(476) KUALA LUMPUR, Ahad – Mulai hari ini, suri rumah, penuntut pusat pengajian tinggi dan pesara boleh bekerja sementara dengan jabatan dan agensi kerajaan berikutan pengenalan Skim Bayaran Upah Ikut Jam atau Kerja. (16 Ogos 1999)

(477) KUALA LUMPUR, Ahad – Satu kajian pakar tempatan ke atas sekumpulan 12 individu yang dilakukan secara berterusan mulai 12 September lalu, mendapati kandungan arsenik mereka adalah tinggi, iaitu purata 200 hingga 600 mikrogram bagi setiap liter air kencing (ug/L).
(27 September 1999)

(478) TAIPING, Ahad – Ujian klinikal yang dijalankan termasuk oleh makmal luar negara setakat ini membuktikan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mengalami keracunan arsenik.
(4 Oktober 1999)

(479) KUALA LUMPUR, Ahad – Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah dan Panel Peguam Umno meminta mereka yang menafikan menerima bantuan daripada akaun induk Datuk Seri Anwar Ibrahim seperti didedahkan oleh bekas penolong gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid, supaya membuat penafian melalui akuan berkanun.
(1 November 1999)

(480) KLANG, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengenal pasti strategi untuk mengelakkan masjid dan surau dijadikan tempat menabur fitnah dan pembohongan bagi kepentingan politik. (13 Disember 1999)

(II) Pendulu Alternatif

■ Naratif

(1) YANG di-Pertuan Agong yang telah di-pileh, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman, semalam telah membuat dua kenyataan yang tegas kepada saya.
(Ogos 1957)

(2) KUALA LUMPUR, Ahad. KEADAAN negara, pada keselurohan-nya tidak berubah-tenang, tetapi masch terdapat perasaan gelisah di- kawasan2 yang di-anggap sensitif.
(2 Jun 1969)

(3) KUALA LUMPUR, Ahad. TEPAT jam 3.59 petang, Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah bertitah "Beta dengan sukacitanya mengisytiharkan Sukan Sea XV dibuka dengan rasminya." (21 Ogos 1989)

■ Petikan

(1) IPOH, Ahad. BATALKAN mogok dan sebalek-nya, bekerja-lah keras untok membentok sa-buah kesatuan yang tunggal yang melambangkan kesatuan kaum guru.
(3 April 1967)

(2) JOHOR BAHARU, Ahad. – Tidak ada guna-nya mengadakan sidang2 Parlemen atau Dewan Negeri sekarang ini-kalau kejadian yang lebeh burok lagi dari 13 Mei akan berlaku.
(18 Ogos 1969)

(3) KUALA LUMPUR, Ahad. SELAMAT DATANG PADUKA YANG MULIA PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA DAN IBU T. SUHARTO, begitu-lah kata2 aluan yang tertulis di-beberapa pintu gerbang di-sini bagi menyambut keberangkatan tiba Presiden Suharto dan isteri-nya, Ibu Tien (Siti Hartinah) Suharto, ka-sini pada pukul 10 pagi Isnin esok.
(16 Mac 1970)

(4) KUALA LUMPUR, Ahad – Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini "adalah memalukan bagi profesen doktor bagi doktor–doktor pelatih menggunakan orang orang sakit untuk kepentingan diri sendiri." (6 Jun 1977)

(5) KUALA LUMPUR, Ahad – "Parti penting, individu tidak penting. Individu datang dan pergi, tetapi parti kekal jauh lebih lama. Perjuangan tidak tamat kerana individu gagal. Tetapi perjuangan akan tamat jika parti hancur."

(14 Disember 1998)

**LAMPIRAN 2**

# CONTOH KERATAN AKHBAR *BERITA HARIAN* YANG DIKAJI

8 Julai 1957

**BERITA HARIAN**

NO. 4. KUALA LUMPUR, ITHNIN, 8 JULY, 1957 15 SEN.

*Lembaga Talipon ingatkan orang-ramai lepas mogok: 'Sangat sukar'*

# SATU MOGOK TAMAT TETAPI MOGOK YANG LAIN MULAI

## PEGAWAI2 CUSTOM BALEK BEKERJA HARI INI

SINGAPURA, Ahad. [illegible] pegawai [illegible] custom telah menamatkan mogok mereka hari ini sementara Lembaga Talipon bersiap hendak memelihara perkhidmatan-nya lepas daripada ahli2-nya yang jadi ahli Kesatuan pekerja2-nya berhenti kerja pada tengah-malam pada hari Sabtu.

Pegawai2 custom itu, iaitu ahli2 bagi Kesatuan Pekerja2 Kerajaan Singapura, telah melancharkan suatu mogok sa-chara kilat pada hari Ithnin sudah. Mereka akan bekerja sa-mula pagi ini.

Kesatuan itu juga telah [illegible] arahkan 400 orang bekerja launch Kerajaan supaya berhentikan kerja mereka yang berlambat2 itu.

Sa-orang juru-chakap Kesatuan berkata hari ini bahwa Kesatuan akan menarek balek kenyataan mogok-nya yang telah di-sampaikan kapada Kerajaan yang mengenai kira2 900 orang warder penjara dan pegawai2 marine.

Keputusan2 ini telah di-ambil dengan nasehat Ketua Menteri Lim Yew Hock.

Tuan Lim, yang juga jadi Menteri Buroh dan Kebajikan, telah memberi jaminan kapada mereka2 bahwa jika mereka dengar nasehat-nya, ia akan menyaksikan yang rundingan2 gaji pegawai2 chukai custom itu akan di-sambong sa-mula dengan segera-nya.

Pekerja2 itu dalam suatu meshuarat semalam telah

## Polis kawal pejabat

mengambil keputusan menerima permintaan Tuan Lim itu, lalu memutuskan akan bekerja sa-mula.

Pegawai2 chukai itu telah melancharkan suatu mogok sa-chara kilat pada hari Ithnin [illegible]

Mereka [illegible] Kerajaan telah melambatkan hal membuka sa-mula rundingan2 fasal gaji itu.

Dua hari kemudian-nya, Kesatuan itu telah memerentah pekerja2 launch supaya bekerja berlambat2 bagi menyokong mogok itu.

Kesatuan juga telah mem-

★ Lihat muka 5

15 Oktober
1962

AKHBAR BAHASA KEBANGSAAN MALAYA

BERITA HARIAN

1712. ITHNIN, 15 OCTOBER, 1962 — 16 JUMADIL-AWAL, 1382. 15 SEN.

SYED NASIR MENGHURAIKAN RANCHANGAN2 JANGKA PANJANG DBP — Muka 5

## Kedudukan UMNO K. Lipis tambah kuat sedang alat2 pilehan raya lawan-nya kian lemah

# 5 KELUAR PAS

### Bergiat bantu chalun UMNO

KUALA LIPIS, Ahad

LIMA orang lagi pegawai PAS di-sabeah ranting di-sini, termasok sa-orang ahli biasa, telah mengumumkan tindakan mereka menarek diri dari PAS dan masok UMNO.

[illegible] mereka [illegible] [illegible]umpoh- [illegible] PAS Ranting Ke[illegible] — ranting [illegible] dipimpin me- [illegible] terletak kira2 [illegible] dari sini, dan [illegible] sama [illegible] alat2 pilehan [illegible] PAS di-Kuala [illegible].

[illegible] ini jumlah [illegible] PAS Pahang [illegible] masok [illegible] UMNO [illegible] gelom- [illegible] pilehan [illegible] memun- [illegible] dua minggu lalu [illegible] lapan [illegible].

[illegible] orang dari [illegible] Hamzah [illegible] Husein, wakil [illegible] PAS Pahang [illegible] kebetulan [illegible] antara kandong [illegible] Tyrikatan [illegible] Barat [illegible]

[illegible] yang menen- [illegible] menyebelahi

★ LIHAT MUKA 3

16 Januari
1967

## Tengku [illegible]
## Bantuan [illegible]
## tidak kira faham politik

# 'Simpati dari dunia'

K. T'GGANU, Ahad [illegible]

BANYAK negara [illegible] menyuarakan [illegible] terhadap Malaysia dan telah menghulorkan bantuan wang dan [illegible] dalam masa Malaysia menghadapi malapetaka banjir sekarang.

Demikian menurut Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman ketika berucap kapada kira2 3,000 orang mangsa banjir di-padang Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal, 9 batu dari [illegible] malam tadi.

### Kawat duka

Tengku juga menyatakan bahawa negara2 yang tidak menghantarkan bantuan telah mengutuskan kawat [illegible]

Perdana Menteri berkata bahawa lawatan-nya ka-Trengganu ia-lah untok melaporkan malapetaka banjir kapada Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong [illegible]

Menurut Tengku, Seri Paduka berhasrat [illegible] hendak pulang ka-Trengganu dan melawat sendiri kawasan2 yang di-timpa banjir.

Tengku berkata, kemalangan yang menimpa negeri kerana banjir telah di-terima dengan penoh dukacita oleh banyak negara.

"Negara yang tidak [illegible] bantuan telah [illegible] [illegible] atas [illegible]" [illegible] Tengku.

[illegible]

### Dukachita

[illegible]

26 Jun 1972

BERITA HARIAN
NASKHAH MALAYSIA
No. 5519 — ISNIN, 26 JUN, 1972 — 15 JAMADIL-AWAL 1392 — 20 SEN

## Wakil Kedah desak...

# 'Kaji tadbiran Projek Muda'

Oleh SHAFIE NOR
KUALA LUMPUR, Ahad

SA-ORANG wakil UMNO Kedah, Enche Azhari Taib meminta Kerajaan Pusat mengkaji sa-mula pengurusan dan pentadbiran lebeh 260,000 ekar tanah di-Ranchangan Perayeran Muda untok meninggikan pendapatan dan taraf pendapatan petani2 di-situ.

Enche Azhari, anggota Parlimen kawasan Sungai Patani, mengemukakan chadangan itu dalam debat menguchapkan terima kaseh atas uchapan Presiden UMNO, Tun Abdul Razak, merasmikan Perhimpunan Agong UMNO ke-23 semalam.



Perdana Menteri, Tun Razak dan Setiausaha Agong UMNO Malaysia, Enche Senu Abdul Rahman, Enche Ghafar dan Dato Haji Kamaruddin [illegible] dalam Perhimpunan Agong UMNO di-Dewan Bahasa dan Pustaka pagi semalam. [illegible]

## Matlamat-nya

Kata-nya: "Matlamat ranchangan itu ia-lah untok meninggikan taraf hidup petani di-kawasan Perayeran Muda, terutama mengadakan bantuan2 baja dan mengajar mereka menggunakan teknik pertanian moden."

Tetapi beliau berpendapat bahawa sa-bagai tambahan untok memenuhi matlamat tersebut, Kerajaan perlu mengkaji sa-mula pengurusan dan pentadbiran tanah di-kawasan tersebut.

Menurut-nya, kira2 56 peratus dari 50,000 keluarga petani di-kawasan perayeran tersebut ia-lah petani yang menyewa tanah, tetapi pemilek2 tanah mereka tinggal di-Pulau Pinang dan Alor Setar.

Enche Azhari menjelaskan, petani yang memileki tanah pun kurang menguntongkan sa-tepat dan tiap sa-orang petani hanya memileki enam ekar sawah sahaja.

Penyelidekan membuktikan bahawa petani baru-nya boleh hidup senang dan mewah jika mereka memileki enam ekar tanah sendiri.

Enche Azhari berkata, untok berusaha meninggikan taraf hidup dan pendapatan, petani2 perlu di-beri memileki tanah berdasarkan luas tanah yang boleh menambah sumber2 ekonomi.

"Dalam [illegible] langkah [illegible] Kerajaan [illegible] beli tanah2 yang di-tinggalkan oleh tuan2 tanah dan memindahkan kira2 10,000 keluarga dari kawasan itu kapada ranchangan tanah di-Perak dan Pahang [illegible]

## Mengakui

[illegible] itu bukan sahaja [illegible] belanja yang banyak [illegible] akan timbul [illegible] kabel.

Enche Azhari [illegible] menyeru Kerajaan menchontohi langkah Kerajaan Taiwan dalam melaksanakan pengurusan dan pentadbiran tanah.

Menurut-nya, Kerajaan Taiwan dengan bantuan Amerika Sharikat telah menubohkan sa-buah badan khas untok membeli tanah2 yang di-tinggalkan oleh pemilek2-nya dan badan itu hanya [illegible]

MUKA 14 ruang 6

2 Mei 1977

Berita Harian MALAYSIA

Dr. M: Keperluan rakyat diutamakan

# 4 langkah penting RMK



DR. MAHATHIR

JITRA, Ahad

DR. MAHATHIR Mohamad hari ini, mengumumkan empat langkah penting yang sedang dilaksanakan di bawah RMK-3, termasuk usaha memperkukuhkan pengajaran sains dan ilmu hisab di peringkat rendah dan menengah dalam usaha menyesuaikan lagi sistem Pelajaran dan latihan untuk menampung keperluan tenaga rakyat.

Katanya, usaha-usaha lain yang turut dijalankan dengan gigih ialah menyediakan lebih banyak alat-alat mengajar serta menambahkan bilangan guru-guru sains dan ilmu hisab yang terlatih.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bilangan penuntut dalam bidang-bidang sains, teknikal dan vokesyenel di peringkat menengah atas akan ditambah dalam tempoh rancangan tersebut.

Dr. Mahathir, juga Menteri Pelajaran, mengumumkan demikian ketika merasmikan Sekolah Rendah Sultan Ahmad Tajuddin di sini petang ini.

[illegible]

## Tak sihat

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

28 Februari
1983

Berita Harian
AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

Yang boleh bekerjasama dengan BN

# Asri rangka dasar parti baru

KOTA BAHARU, Ahad — Kumpulan 13 pimpinan Datuk Haji Asri Muda sedang merangka dasar dan perlembagaan penubuhan parti baru berdasarkan Al-Quran dan hadis serta akidah Islam yang boleh bekerjasama dengan Barisan Nasional.

[illegible]

14 November
1988


Berita Harian
AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

ISNIN, 14 NOVEMBER, 1988 — 4 RABIULAKHIR, 1409
● Semenanjung 30 Sen ● Sarawak 65 Sen ● Sabah 75 Sen ● PP 11/1/88


Tidak terjejas oleh pengswastaan

# Kadar Telekom paling murah

Oleh SALEH SIDEN

KUANTAN, Ahad — Rakyat negara ini terus menikmati perkhidmatan telekomunikasi yang termurah di dunia, walaupun Jabatan Telekom diswastakan kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini, kata Perdana Menteri, membuktikan pengswastaan sesebuah agensi penting seperti Jabatan Telekom tidak bermakna kerajaan berniat membenarkan pihak swasta mengaut untung lebih daripada pengguna.

Menurutnya, kebimbangan seperti itu tidak patut timbul kerana pihak swasta tidak boleh mengenakan kadar perkhidmatan yang tidak berpatutan dengan sewenang-wenangnya.

"Harga perkhidmatan telekomunikasi yang tinggi hanya akan menghalang pelabur asing daripada membuka operasi mereka di negara ini dan seterusnya tidak menggalakkan pertambahan jumlah pelanggan.

"Faktor ini akan merugikan perkembangan ekonomi dan sosial negara ini sendiri," katanya ketika merasmikan pelancaran Stesen Satelit Bumi Kuantan-3A di sini, petang ini. Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie.

Perdana Menteri berkata, kejayaan STM itu juga dapat meyakinkan rakyat bahawa dasar pengswastaan yang sedang dilaksanakan adalah satu dasar yang sihat dan akan membawa kebaikan kepada semua pihak.

Menurutnya, kejayaan dasar pengswastaan dalam industri itu juga akan meningkatkan keyakinan kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan lain yang kini masih ditadbirkan oleh agensi kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masanya sudah tiba bagi sektor swasta diberikan tugas yang lebih besar dalam kegiatan ekonomi negara. Bagaimanapun, pelaksanaannya akan terus diawasi dengan teliti bagi menjamin kejayaan.

Beliau berkata, di kalangan negara-negara yang mengamalkan ekonomi bebas, Malaysia adalah salah sebuah negara yang mempunyai paling banyak campur tangan kerajaan di sektor ekonomi.

"Oleh itu, tidak hairanlah jika nisbah beban pentadbiran yang ditanggung oleh kerajaan jauh lebih besar berbanding negara-negara lain," katanya.

Menurut Perdana Menteri, negara-negara lain yang selama ini mengamalkan ciri-ciri pengurusan seperti Malaysia sudah lama dan lebih awal menyemak semula dasar-dasarnya.

## Keuntungan

Ini kerana negara-negara itu mendapati bahawa pengswastaan perkhidmatan dan industri tertentu yang selama ini dimiliki dan diurus oleh kerajaan dapat menyelesaikan masalah kerugian yang besar, seterusnya membawa keuntungan kepada industri itu, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pertumbuhan ekonomi negara bergantung kepada minat pelabur dalam dan luar negara, dan satu daripada faktornya yang menentukan minat mereka ialah kecekapan dan mutu perkhidmatan telekomunikasi di negara ini.

Sehubungan itu, katanya, langkah kerajaan menswastakan industri telekomunikasi sebagai sektor hadapan bagi program industrialisasi negara akan menggalakkan pertumbuhan pesat industri dan menambah daya tarikan kepada pelabur asing.

18 Ogos 1994


# Berita Harian

18 OGOS 1994




SUKAN
Kontinjen Malaysia tiba tanpa peralatan M29

NASIONAL
Dua beranak mati lemas M9



PUSPARIA
Panggilan Pulau ditayang September M19

DUNIA
Mujahidin pertahan Chechnya M14



Langkah kerajaan banteras penipuan

# Bomoh wajib daftar

Oleh Nurul Adlina Kamaludin

KUALA LUMPUR, Ahad – Kementerian Kesihatan akan mewajibkan pengamal perubatan tradisional termasuk singse dan bomoh mendaftar, dengannya kerana kes penipuan perkhidmatan mereka meningkat.

Menterinya, Datuk Lee Kim Sai, berkata langkah itu perlu untuk membanteras wujudnya segelintir pihak tertentu yang menyamar sebagai singse atau bomoh walaupun tidak mempunyai kepakaran di bidang perubatan tradisional.

Menurutnya, ia juga penting sebagai usaha meningkatkan pengawasan kementerian terhadap mereka di samping mengelak bertambahnya perbuatan salah laku mereka dengan menawarkan perkhidmatan palsu bagi tujuan keuntungan peribadi.

"Kita menerima banyak aduan serta perasaan pengamal perubatan tradisional itu sendiri yang mendakwa mereka ditipu oleh segelintir bomoh palsu.

"Oleh itu, kita dapati sebagai usaha membanteras kegiatan itu daripada terus berleluasa, kementerian bersetuju pada dasarnya mewajibkan pengamal perubatan tradisional ini mendaftar terlebih dahulu sebelum boleh menawarkan perkhidmatan kepada orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis perayaan ulang tahun ke-40 Jabatan Bantuan Perubatan Tionghua di sini, petang ini.

Sebelum ini, kerajaan tidak mewajibkan pengamal ubat tradisional mendaftarkan diri dengan Kementerian Kesihatan kerana golongan itu tidak diiktiraf secara rasmi sebagai pengamal perubatan.

Hanya ubat tradisional jenis herba saja yang berdaftar dengan kementerian.

Lee berkata, kementerian itu yakin peningkatan kes itu juga berpunca daripada bertambahnya jumlah pengamal tradisional asing daripada China dan Indonesia yang mengaku berupaya memberikan rawatan mujarab kepada orang ramai.

"Kita bimbang kerana ketika ini kesiapa saja, lalu rakyat tempatan serta pendatang asing boleh mengaku mereka ialah sebagai bomoh atau singse tanpa perlu menunjukkan sebarang dokumen rasmi. Mereka juga didapati bebas memberikan khidmat itu walaupun mereka tahu perbuatan itu salah.

"Oleh itu, dengan mendaftarkan mereka sekurang-kurangnya orang ramai kini akan lebih yakin dan sekali gus menjamin profesion itu," katanya.

Lee berkata, beliau sudah mengarahkan Ketua Pengarah kementerian yang juga Presiden Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman, menjalankan kajian bagi melaksanakan langkah itu.

"Kita berminat mengkaji kaedah yang digunakan oleh kerajaan Singapura yang merangka satu undang-undang pendaftaran semua singse di republik itu. Malah, saya akan berbincang dengan Menteri Kesihatan republik itu," katanya.

Lee berkata, kajian melaksanakan langkah pendaftaran itu akan memerlukan masa yang lama sebelum dapat dilaksanakan sepenuhnya.

"Ini kerana, kebanyakan bomoh dan singse itu mempunyai latar belakang dan kaedah berbeza-beza," katanya.

Menurutnya, pengamal perubatan tradisional yang ingkar kepada penguatkuasaan itu nanti, boleh dikenakan tindakan termasuk menggantung lesen mereka jika terbukti bersalah.

13 Disember
1999

Berita Harian

NASIONAL

# Strategi diatur elak politik di masjid

Oleh Ebi Azly Abdullah, Johnny Giles Senin, Bakhari Ariff, Ziauddin Sharuddin, Fazil Arman, Betty Subaryati dan Ahmad Che Doh

KLANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengenal pasti strategi untuk mengelakkan masjid dan surau dijadikan tempat menabur fitnah dan pembohongan bagi kepentingan politik.

Perdana Menteri berkata, sebagai tempat beribadat dan merapatkan hubungan silaturahim umat Islam, masjid sepatutnya dimakmurkan dengan kegiatan sedemikian.

"Kita mahu kena cari jalan supaya ia tidak digunakan untuk menyebarkan fitnah dan pembohongan yang mencemarkan masjid. Ia tempat kita sembahyang beramaah, beribadah dan merapatkan hubungan silaturahim orang Islam.

"Jadi jangan digunakan untuk melemparkan fitnah, membuat tuduhan yang tidak berasas, termasuk kononnya kita ada hubungan dengan Israel dan macam-macam lagi yang bohong serta yang tidak baik," katanya dalam sidang akhbar petang ini selepas melawat kapal kontena terbesar dunia, *Clifford Maersk*, yang singgah di Pelabuhan Barat di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Dr Tan Kee Kwong, mengenai aduan orang ramai berhubung perbuatan Pas yang masih menyalahgunakan surau dan masjid.

[illegible] menunjukkan [illegible] masjid di seluruh negara [illegible] Pas tidak [illegible] selepas pilihan raya umum 29 November lalu.

Mengulas isu yang sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, bagaimanapun yakin imam yang dipersalahkan Pas tidak [illegible] sampai 90 peratus [illegible] sebahagian [illegible] kecil.

Namun, katanya, masjid atau surau tidak sepatutnya dijadikan platform parti politik [illegible] Pas.

"Masjid sepatutnya digunakan sebagai tempat beribadat dan mencari ilmu agama," katanya ketika dihubungi, hari ini.

*Di KANGAR*, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata imam yang *menerima* elaun daripada kerajaan, sepatutnya meletak jawatan jika ingin mencaci kerajaan.

"Bagi saya, imam itu patut membuat pilihan sama ada untuk *berkhidmat* dengan kerajaan atau mencaci kerajaan. Kalau mahu hentam kerajaan, elok lepaskan jawatan yang dibayar gaji oleh kerajaan," katanya.

*Beliau bagaimanapun* berkata, setakat ini hanya seorang dua imam di Perlis dikesan *menyokong* pembangkang secara terbuka pada pilihan raya umum lalu, termasuk *membenarkan* seorang tokoh pembangkang berucap dalam masjid.

Katanya, perkara itu sudah dirujuk kepada Majlis Agama Islam Perlis (Maips) untuk tindakan lanjut.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad *juga menasihatkan* imam supaya berhenti segera menjadi alat parti pembangkang.

"Jika ingin berpolitik, lebih baik mereka meletakkan jawatan dan *menjadi* ahli politik sepenuh masa. Jika tidak, mereka hanya mencemarkan kesucian *masjid* dan surau," katanya.

Mohd Isa juga meminta [illegible] di negeri ini [illegible] kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (Jains) jika [illegible] masjid [illegible] menggunakan masjid [illegible] untuk berpolitik.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) berkata, setakat ini tiga imam di negeri itu dipecat kerana menyalahgunakan masjid untuk berpolitik sebelum pilihan raya umum lalu.

DI KOTA BHARU, Majlis Agama Islam dan Adat [illegible]

LIHAT MUKA 2, RUANG 3